


# RM185 juta bina 78 masjid, 75 surau

MUKA  
2



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyerahkan sumbangan Ihya' Ramadan kepada 22 masjid dan 75 surau sekitar Parlimen Gombak di Masjid Al-Amaniah, Batu Caves pada 19 Mac 2023. Foto NAZIR KHAIRI ► BERITA MUKA 5

## pancawarna

Peruntukan besar  
untuk martabat  
Islam

Sekolah, masjid dan  
guru agama dapat  
banyak manfaat



9

Lubuk buka puasa  
menarik serata  
negeri

Pelbagai lokasi,  
aneka juadah enak  
di bazar Ramadan

10



Sedia bantuan, tingkat  
kemahiran  
anak muda

Dari peluang kerja  
hingga latihan jadi  
pemimpin



15

## Transaksi SELHAC RM57.4 juta

**SHAH ALAM** - Padanan perniagaan dalam Persidangan Halal Antarabangsa Selangor (SELHAC) 2023 pada 10 hingga 12 Mac mencatat transaksi bernilai RM57.4 juta.

EXCO industri halal berkata angka itu mengatasi sasaran RM50 juta berdasarkan kerjasama dimeterai antara pembekal dan pasar raya terkemuka dari dalam dan luar negara.

Mohd Zawawi Ahmad Mughni turut menjangka peningkatan transaksi dalam tempoh beberapa minggu lagi berikutnya ada syarikat yang berminat untuk membuat padanan perniagaan.

"Kami sebenarnya dalam proses untuk mendapatkan angka terakhir sebab masih ada lagi (syarikat) yang ingin buat padanan perniagaan."

"Ini kerana mereka tidak sempat berbuat demikian pada hari tersebut disebabkan kesuntukan masa," kata beliau pada 18 Mac.

## 11 insentif galak pelaburan

**SHAH ALAM** - Sebanyak 11 insentif ditawarkan kepada pelabur dan pemaju yang terbabit dalam projek pembangunan Taman Perindustrian Selangor.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata empat daripadanya melibatkan proses laluan segera, tempoh kelulusan, cukai taksiran serta pengecualian bahan lesen niaga.

Katanya, tujuh insentif termasuk premium tanah, bayaran ansuran caj pemaju tanpa faedah dan pengecualian penyediaan kilang kos rendah diberi kepada pemaju dan pengurus taman industri.

"Turut ditawarkan, kuota pemilikan harta tanah bagi warganegara atau syarikat asing penduduk tetap, pajakan jangka panjang pembangunan bukan strata, cukai tanah serta tafsiran."

"Insentif membantu mengurangkan bebanan kos awalan pembangunan sekali gus menarik minat pemaju harta tanah mempersempatkan aktiviti pembangunan," kata beliau.

**IMBAS DI SINI**  
akbar digital minggu lepas



## 30 peratus KDNK menjelang 2026

**SHAH ALAM** - Selangor mampu menyumbang 30 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2026 hasil pembangunan beberapa projek mega dalam kerangka Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan beberapa projek negeri dijangka menyumbang satu peratus kenaikan KDNK pada setiap tahun.

Beliau menamakan projek berkenaan antaranya Wilayah Pembangunan Bersepadu Selangor Selatan (IDRISS), Pembangunan Kawasan Sabak Bernam dan

Kompleks Stadium Shah Alam.

"Lonjakan pembangunan yang dirangka dalam RS-1 akan mengekalkan kita sebagai penyumbang KDNK terbesar negara. Setiap tahun, kita catat pertumbuhan hingga 0.4 peratus KDNK nasional."

"Kalau kita unjur berterusan sebagaimana sebelum ini, kita (boleh) sumbang 27 peratus kepada KDNK nasional. Saya percaya suntikan RS-1 mampu capai 30 peratus menjelang 2026," katanya.

Amirudin dalam majlis pelancaran ID-

RISS pada 15 Mac menambah Selangor terus mendahului negeri lain dengan nilai KDNK berjumlah RM343.5 bilion berbanding RM327.1 bilion pada 2020.

Katanya, sumbangan utama diteraju sektor perkhidmatan sebanyak 59.5 peratus, pembuatan (31.4 peratus), pembinaan (5.1 peratus), pertanian (1.5 peratus) dan perlombongan (0.2 peratus).

Pada 2021, Selangor kekal penyumbang terbesar kepada ekonomi Malaysia sebanyak 24.8 peratus hasil kestabilan dan pengukuhan tadbir urus.

### Belanja RM185 juta

## Bina 78 masjid, 75 surau sejak 2019

Oleh NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Sebanyak 78 masjid dan 75 surau telah dan sedang dibina di Selangor membabitkan peruntukan RM185 juta antara 2019 hingga tahun lepas.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan 19 daripada surau berkenaan antara premis yang memiliki kebenaran mengadakan solat Jumaat.

"Kerajaan Negeri komited menyuburkan syiar Islam di bumi Darul Ehsan," katanya di Twitter pada 20 Mac.

Dalam Belanjawan Selangor 2023, beberapa masjid disenarai untuk dibina semula atau dinaik taraf membabitkan peruntukan:

- Dana RM500,000 untuk kerja awalan membina semula Masjid Al-Ehsan Kampung Tok Muda, Klang dengan memberi nafas baharu kepada binaan kayu yang menelan kos RM20 juta
- RM8.6 juta membaik pulih kerosakan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang berusia 25 tahun melibatkan kekemasan dinding granite dan RM5.2 juta untuk mengganti lapisan kalis bumbung rata

■ Peruntukan RM7 juta bagi membina Masjid Sungai Chinchin Batu 7<sup>3/4</sup>, Gombak untuk penduduk setempat

Selain itu, Kerajaan Selangor berbelanja RM1.4 bilion bagi mengukuhkan institusi masjid, surau dan sekolah agama sejak 2018.

Dana itu digunakan untuk kebajikan kakitangan masjid seperti imam, bilal dan siak dalam bentuk eluan serta sumbangan khas perayaan.

Turut diaghah, caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial kepada 4,200 guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain serta keperluan institusi sekolah agama dan rumah ibadat.

## Catat RM12.2 billion pelaburan

**SHAH ALAM** - Selangor menarik 265 projek pelaburan bernilai RM12.2 billion dalam sektor pengilangan sepanjang tahun lalu.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata data itu berdasarkan laporan terbaru Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

"Pelaburan ini manifestasi keyakinan pelabur dalam dan luar negara, mem-

lih Selangor sebagai antara destinasi pelaburan utama negara.

"Ia menjana ekonomi dan merancakkan lagi sektor pembuatan serta ekosistem industri selain menawar peluang pekerjaan," katanya ketika melancarkan Projek Wilayah Pembangunan Bersepadu Selangor Selatan (IDRISS) pada 15 Mac.

Beliau menambah angka berkenaan

jelas membuktikan kutipan hasil negeri tidak bergantung kepada pelaburan mega semata-mata.

"Selangor membuktikan, dalam tempoh 2018 hingga 2021, kita catat pelaburan tinggi daripada sasaran. Pernah RM17 billion hingga RM19 billion."

"Ini menunjukkan kemampuan pengurusan bertambah baik di samping kekalkan apa yang ada," katanya.

## Hasil negeri hampir RM900 juta

**SHAH ALAM** - Selangor mencatat hasil RM893.11 juta setakat 15 Mac, hampir separuh daripada sasaran RM2.05 billion untuk tahun ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata perolehan antara Januari hingga Mac meningkat lebih RM265.11 juta berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Kalau kita bandingkan kutipan tahun lalu, meningkat lebih RM265.11 juta. Pada 15 Mac tahun lepas, kita me-

rekod RM628 juta," katanya pada sidang Dewan Negeri Selangor.

Perkara itu dimaklumkan pada sesi penggulungan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj di sini pada 17 Mac.

Ahli Dewan Negeri Sungai Tua itu juga memaklumkan rizab negeri turut bertambah kepada RM3.7 billion setakat Mac, tertinggi sejak 2015.

"Ketika saya ambil alih pentadbiran negeri, rizab berjumlah RM2.1 billion.

Akhir tahun lepas, rizab sekitar RM3.1 billion dan sehingga 15 Mac cecah RM3.7 billion," katanya.

Pada 13 Mac, Sultan Sharafuddin menzahir rasa sukacita berikutkan hasil negeri tahun lalu iaitu RM2.533 billion tertinggi dicatat dalam tempoh enam tahun.

Baginda bertitah kutipan itu melebihi sasaran awal iaitu RM2.05 billion, lebih tinggi berbanding angka pada tahun sebelumnya iaitu RM2.284 billion.



**TANGGUNGJAWAB...** Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bersama Ahli Dewan di-Raja Selangor selepas Istiadat Pelantikan dan Angkat Sumpah di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada 16 Mac.

Foto Facebook Selangor Royal Office

## Pembangunan di Sepang, Kuala Langat

# Buka peluang pekerjaan

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

**SHAH ALAM** - Projek Wilayah Pembangunan Bersepadu Selangor Selatan (IDRISS) di Sepang dan Kuala Langat bakal membuka hab pelaburan dan kawasan perindustrian baharu di negeri ini.

Dato' Menteri Besar berkata projek dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM1 trilion itu juga mewujudkan pembangunan taman perindustrian yang lebih tersusun.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, projek dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) meliputi Selangor Business Capital, Sepang Gold Coast Global Village dan Unisel Global Campus.

Turut terkandung dalam projek itu ialah Selangor International Aeropark, Taman Industri Pintar NCT, Pelabuhan Pulau Carey dan Zon Ekonomi Khas Pulau Carey.

"Kalau berjalan serentak, kita akan lihat satu perubahan landskap pembangunan Kuala Langat dan Sepang. Saya percaya pelaksanaan semua projek ini mampu menarik pelabur datang."

"Projek NCT dan aeropark sahaja meliputi 2,700 ekar dan kita yakin tarik minat pelabur," katanya ketika melancarkan IDRISS di bangunan pentadbiran

ran negeri di sini pada 15 Mac.

Amirudin berkata lima insentif diperkenal meliputi skim premium khas dan bayaran ansuran caj pemajuhan tanpa faedah bagi menggalakkan penyertaan pelabur dan memacu pembangunan projek.

Beliau menambah pengecualian cukai taksiran tanah kosong, potongan 50 peratus cukai taksiran bangunan kosong serta pengecualian bayaran lesen perniagaan turut ditawarkan.

"Ini semua menjadi daya tarikan dan kita mudahkan mereka untuk pastikan projek dimulakan. Kita mahu kurangkan beban pemaju supaya mereka mulakan lebih awal," katanya.

IDRISS membabitkan pembangunan seluas lebih 16,000 hektar untuk memastikan agihan saksama ekonomi negeri selain mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Projek pembangunan dicadang seperti sektor perindustrian, perkhidmatan logistik dan pergudangan, pelabuhan, perniagaan, perumahan, pelancongan dan pendidikan.

Selain itu, Kerajaan Negeri bakal mewujudkan jawatankuasa kecil melibatkan semua agensi bagi memastikan tiga projek mega dalam RS-1 berjalan lancar.



**KAWASAN PERNIAGAAN BUKIT ANKAT,  
SUNGAI CHUA, KAJANG, SELANGOR.  
DARI RM1,380,000.00**

### KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT

- \* LOKASI YANG STRATEGIK
- \* KELUASAN LANTAI 2500kp++
- \* LEASEHOLD
- \* DIJANGKA SIAP OGOS 2022
- \* HARGA JUALAN DARI RM1,380,000.00  
(Potongan 10% harga bumiputra)

Untuk melawat tapak projek dan temujanji sila hubungi :

Ms Noor Saidah (017-248 8960)

Ms Pui Si (016-313 8646)

Pejabat (03-8724 3733)

**MEGAINN DEVELOPMENT SDN BHD** (886950-A)

16, Jalan Semenyih Sentral 6, Semenyih Sentral, 43500 Semenyih, Selangor.

## Pameran udara awal September

**SHAH ALAM** - Pameran Udara Selangor (SAS) edisi ketiga dijadual berlangsung pada 7 hingga 9 September dengan sasaran potensi pelaburan RM2 bilion.

EXCO Pelaburan Dato' Teng Chang Khim berkata pameran di Pusat Penerbangan Wilayah Skypark (Skypark RAC), Subang menyasar kehadiran 12,000 pengunjung serta menarik 50 pempamer termasuk dari luar negara.

"Pameran udara ini bertujuan menarik pemain industri sekali gus menjadi platform untuk mengembangkan lagi sektor ini dalam negara. Setakat ini, lebih 67 peratus sektor aeroangkasa negara bertempat di negeri ini.

"Sepanjang program, kita sediakan beberapa segmen menarik antaranya pameran pesawat, jaringan perniagaan, dron, forum selain pengunjung boleh bersiar menaiki helikopter atau 'joyride' serta pendidikan," katanya pada sidang media SAS 2023 di sini pada 21 Mac.

Bertema 'Satu-satunya Pertunjukan dan Perniagaan Penerbangan di Rantau ini', Chang Khim menjangka penyertaan lebih ramai pemain industri dengan 40 pesawat pelbagai jenis turut dipamer.



## SELANGOR MELINDUNGI ANDA DAN KELUARGA

### SKIM INSURANS PERCUMA



- PERLINDUNGAN INSURANS AM BERKUMPULAN KEPADA **6 JUTA RAKYAT SELANGOR**
- DITAWARKAN KEPADA INDIVIDU BERUMUR BERMULA DARI **30 HARI SEHINGGA 80 TAHUN**
- PERLINDUNGAN INSURANS SEHINGGA **RM10,000 UNTUK HILANG KEUPAYAAN KEKAL DAN KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN**

PENDAFTARAN BERMULA PADA  
**1 OKTOBER 2022**  
SEHINGGA  
**30 SEPTEMBER 2023**

TEMPOH INSURANS SELAMA  
**12 BULAN**  
DARI TARikh POLISI  
DIKELUarkan

PENDAFTARAN MELALUI  
APLIKASI  
**WAVPAY**  
E-WALLET

\*TERTAKLUK KEPADA TERMA & SYARAT





Satu Lagi Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor

### ADAKAH ANDA LAYAK UNTUK MENDAFTAR?



**ANDA LAYAK JIKA**  
NOMBOR KAD PENGENALAN  
ANDA DIDAFTARKAN DI  
NEGERI SELANGOR



**ATAU**  
ALAMAT TERKINI ANDA  
DIDAFTARKAN DI DALAM  
NEGERI SELANGOR



**ATAU**  
ANDA ADALAH PENGUNDI  
UNTUK NEGERI SELANGOR

### BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?

**1**



MUAT TURUN, PASANG DAN  
DAFTAR AKUAN APLIKASI  
**WAVPAY E-WALLET**

Available on the App Store GET IT on Google Play

**2**



KLIK PADA  
BANNER PROGRAM

**3**



LENGKAPKAN MAKLUMAT  
SEHINGGA PROSES SELESAI

Imbas untuk muat turun aplikasi



**Khidmat Pelanggan**

Talian 1	+60162504199
Talian 2	+60164354199
Talian 3	+60164474199
Talian 4	+60162534199
Talian 5	+60162514199

E-mel : [Insanbantuan@wavpay.net](mailto:Insanbantuan@wavpay.net)  
Info lanjut, sila layari [www.wavpay.net](http://www.wavpay.net)

Daftar skim insurans perlindungan RM10,000

**SHAH ALAM** - Penduduk di negeri ini dipelawa mendaftar Skim Insurans Am Selangor (INSAN) yang memberi perlindungan sehingga RM10,000 mulai 1 Oktober tahun lalu.

Perlindungan insurans berkumpulan yang dilaksanakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI ditawarkan kepada individu berusia 30 hari hingga 80 tahun.

Pemegang nombor kad pengenalan negeri ini atau pengundi Selangor layak mendaftar inisiatif berkenaan.

Pendaftaran dibuka sehingga 30 September 2023. Maklumat lanjut layari laman sesawang [www.wavpay.net](http://www.wavpay.net)

Berikut langkah-langkah mendaftar INSAN:

- Muat turun aplikasi e-dompet Wavpay App Store atau Google Play
- Daftar sebagai pengguna Wavpay, isi butiran peribadi termasuk gambar depan dan belakang MyKad
- Selepas berjaya daftar, klik pada imej program INSAN
- Lengkapkan maklumat hingga selesai
- Pemohon berjaya boleh akses e-sijil insurans

Atasi kesesakan pesakit di Klang

# Hospital Kapar dijadual siap 2026

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR & SOFIA NASIR

**KLANG** - Pembinaan Hospital Kapar yang mampu menyelesaikan isu kesesakan pesakit di Hospital Tengku Ampuan Rahimah di sini, dijangka siap pada 2026.

Ahli Parlimen Klang V Ganabatirau menjelaskan perkara itu dimaklum Timbalan Menteri Kesihatan Lukisanman Awang Sauni di Parlimen baru-baru ini.

"Hospital Kapar sangat berdekatan dengan kawasan ini (Bandar Bukit Raja) kalau dibangunkan ia

akan kurangkan kesesakan teruk di Hospital Tengku Ampuan Rahimah," katanya pada 19 Mac.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pembinaan hospital di Kapar mampu mengatasi masalah kesesakan pesakit untuk jangka panjang.

Selain itu, Hospital Selgate Rawang, hospital pertama milik Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), dijadual beroperasi pertengahan tahun depan.

EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud berkata projek dengan kerjasama Selgate Corporation Sdn Bhd (Selgate) pada peringkat akhir

memilih syarikat berikut penamat kontrak pemaju sebelumnya.

"Selgate akan melantik syarikat pembinaan baharu pada bulan depan dan sambung kerja pembinaan hospital ini. Ia akan ambil masa setahun untuk siap," katanya pada 16 Mac.

Sebelum ini, pembangunan Hospital Selgate Rawang yang sepatutnya siap pada 2019 tertangguh berikutan masalah kekurangan pekerja asing.

Selain itu, PKNS turut merancang melantik pemaju tanah baharu bagi membina hospital jantung di Seksyen 13, Shah Alam.

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Khamis	5:59	6:09	7:15	1:23	4:27	7:25	8:34
24 Jumaat	5:59	6:09	7:15	1:22	4:26	7:25	8:34
25 Sabtu	5:58	6:08	7:14	1:22	4:25	7:25	8:34
26 Ahad	5:58	6:08	7:14	1:22	4:24	7:25	8:34
27 Isnin	5:58	6:08	7:14	1:22	4:23	7:24	8:33
28 Selasa	5:57	6:07	7:13	1:21	4:22	7:24	8:33
29 Rabu	5:57	6:07	7:13	1:21	4:21	7:24	8:33

Waktu berbuka

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
6:00	6:10	7:16	1:23	4:27	7:26	8:35
6:00	6:10	7:16	1:23	4:26	7:26	8:34
5:59	6:09	7:15	1:23	4:25	7:25	8:34
5:59	6:09	7:15	1:22	4:24	7:25	8:34
5:58	6:08	7:15	1:22	4:23	7:25	8:34
5:58	6:08	7:14	1:22	4:22	7:25	8:34
5:58	6:08	7:14	1:22	4:21	7:25	8:33

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
6:02	6:12	7:17	1:25	4:29	7:28	8:36
6:01	6:11	7:16	1:25	4:28	7:27	8:36
6:01	6:11	7:16	1:24	4:28	7:27	8:36
6:00	6:10	7:16	1:24	4:27	7:27	8:36
6:00	6:10	7:15	1:24	4:26	7:27	8:36
5:59	6:09	7:15	1:24	4:25	7:27	8:36
5:59	6:09	7:14	1:23	4:24	7:26	8:35

WAKTU SOLAT

23 - 29 MAC 2023  
1-7 RAMADAN 1444



EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim bersama penerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin ketika Jelajah Kita Selangor Penyayang peringkat Sabak Bernam di Bagan Terap pada 19 Mac. Foto FIKRI YUSOF

**Terima bantuan baiki rumah**

# Rezeki keluarga sambut Ramadan

Oleh SOFIA NASIR

**SABAK BERNAM** - Buruh lima anak menyifatkan bantuan pembinaan rumah baharu bernilai RM85,000 daripada Kerajaan Negeri sebagai rezeki buat keluarganya menjelang Ramadan ini.


Jamhari Samli, 47, mengaku terkejut tetapi bersyukur apabila menerima makluman bantuan tersebut bersama empat penerima lain pada 9 Mac.

"Ia rezki berganda untuk keluar-

ga saya kerana pada hari dapat khabar gembira itu bersamaan hari lahir anak kedua saya, apatah lagi kita akan sambut Ramadan seterusnya Aidilfitri.

"Rumah yang kami duduki ini sudah uzur. Banyak sangat kerosakan terutama dinding dan bumbung," katanya.

Warga emas A Selemal, 64, pula terharu menerima bantuan membaiki rumah berusia 45 tahun yang dipusakai daripada mendiang suami



likan tanah kepada penduduk.

"Selagi berkhidmat di DUN Sekinchan, saya tidak mahu rakyat rasa terabai tetapi mereka diingatkan supaya jelaskan bayaran premium," katanya selepas majlis di Dewan Seri Sekinchan.

Penerima Chia Choon Poo, 41, lega dan berterima kasih kepada pentadbiran negeri berikutan penantian lebih 20 tahun berakhir jua.

"Saya lega akhirnya hasrat keluarga

di Kampung Dato' Ahmad Said yang kian dimamah anai-anai.

"Rumah saya banyak rosak terutama bahagian dapur. Disebabkan tidak bekerja, saya tidak mampu baiki rumah itu. Saya akan gunakan wang ini sebaik-baiknya untuk baiki rumah rosak," kata beliau.

Mereka antara lima penerima bantuan pembinaan rumah baharu yang dirai sempena program Jelajah Kita Selangor Penyayang peringkat Sabak Bernam di sini pada 19 Mac.



## 51 penduduk dapat hak milik tanah

**SABAK BERNAM** - Penantian sedekad 51 penduduk di Kampung Bagan Sekinchan di sini untuk memperoleh hak milikan tanah berakhir pada 19 Mac.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Sekinchan Ng Suee Lim berkata kesemua mereka menerima surat kelulusan (Notis 5A).

"Kita berusaha lebih 10 tahun untuk pastikan isu ini selesai dan bersyukur hari ini sudah memasuki fasa ketiga iaitu peringkat terakhir pemberimi-

kami untuk mendapatkan hak milikan tanah berjaya. Terima kasih kerana prihatin membantu rakyat," katanya.

Heng Hwa Heng, 50, juga menarik nafas lega kerana akhirnya memperoleh hak tersebut ketika masih hidup.

"Setidak-tidaknya apabila saya sudah tiada, anak-anak boleh mewarisiinya. Lagipun harga rumah semakin mahal, ada tanah ini tidaklah risau jika mereka mahu tinggal di sini," katanya.

## 97 institusi agama terima sumbangan

**SHAH ALAM** - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyerahkan bantuan Ihya' Ramadan kepada 97 masjid dan surau di Masjid Al-Amanah, Gombak pada 19 Mac.

Dato' Menteri Besar berkata sumbangan meliputi 22 masjid dan 75 surau termasuk surau solat Jumaat bagi membantu institusi agama menyediakan kelengkapan menyambut puasa.

"Semoga dapat dimanfaatkan bagi persiapan menyambut Ramadan Al Mubarak," kata Dato' Seri Amirudin Shari di Facebook pada 20 Mac.

Pada 1 Mac, Ketua Tanggungjawab Sosial korporat MBI Ahmad Azri Zainal Nor memaklumkan lebih RM2 juta diperuntuk bagi menyemarakkan Ramadan tahun ini.

## Pembangunan Sabak Bernam lancar

**SABAK BERNAM** - Projek Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA) menunjukkan perkembangan positif berikutnya beberapa projek bakal bermula sejurus mendapat kelulusan.

EXCO infrastruktur dan kemudahan awam berkata projek pertanian moden di Taman Agro Pintar Selangor (SSAP), Changkat Menteri di sini seluas 2,000 ekar diluluskan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Ir Izham Hashim berkata pembangunan semula Hay Resort pula pada peringkat akhir kelulusan manakala industri hiliran hasil laut dan agro makanan di Sungai Lang dalam proses memohon kebenaran merancang.

"Projek SABDA berjalan baik walaupun kita terkesan akibat pandemik Covid-19. Kita buat berperingkat, mana-mana projek yang sudah sedia kita terus masuk ke kebenaran merancang," katanya pada 19 Mac.

## Teraju pengeluaran benih kelapa

**SABAK BERNAM** - Selangor bakal menjadi peneraju dalam penghasilan benih pokok kelapa negara menerusi program 'Seed Growers'.

Timbalan pengarah Jabatan Pertanian negeri berkata projek sulung di Sungai Air Tawar di sini melibatkan empat pengusaha bermula awal tahun ini.

Menurut Wan Mohammad Zulkarnain Baharudin, inisiatif itu sebagai penyelesaian jangka panjang isu bekalan kelapa yang dihadapi negara.

"Sabak Bernam daerah kedua terbesar di Malaysia yang menghasilkan kelapa. Jadi, kita memilih lokasi di kawasan seluas 50 ekar.

"Dengan adanya projek ini, kita harapkan Sabak Bernam akan menjadi hab penghasilan benih kelapa kepada seluruh negara," katanya.

## Sidec sumbang lebih RM334 juta

**SHAH ALAM** - Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) menyumbang RM334.7 juta kepada ekonomi negeri menerusi penganjuran pelbagai program sejak 2015.

EXCO Pelaburan Dato' Teng Chang Khim berkata acara itu antaranya Selangor e-Commerce Onboarding, e-Dagang Pendidikan dan Anugerah Peniaga e-Dagang Utama Malaysia (Top ECM).

"Top ECM 2022 yang memberi penghargaan kepada usahawan memperoleh jualan RM58.9 juta dan 427,643 pesanan malah menerima 440 permohonan, tertinggi sejak dilancarkan.

"Tahun lalu, SDEC mencatat nilai potensi RM50 juta dan membuka ruang pelaburan serta perniagaan antara pengunjung dan pempamer," katanya pada 14 Mac.

Menjawab soalan wakil rakyat Bandar Utama Jamaliah Jamaluddin, Chang Khim berkata program e-Commerce Onboarding pula membantu 100 peniaga kecil dan sederhana memulakan perniagaan dalam talian.

## Penceramah agama mesti ada tauliah

**SHAH ALAM** - Pihak berkuasa agama Islam negeri ini perlu memastikan penyuatuasaan dibuat pada setiap peringkat bagi memastikan hanya individu bertauliah dibenar memberi ceramah dan kuliah.

Wakil rakyat Meru Mohd Fakhrulrazi Mohd Mokhtar berkata kesungguhan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) bakal mengekang penceramah tidak bertauliah.

Beliau menegaskan proses penguasaan itu perlu diperkasa untuk memastikan semua penceramah patuh kepada titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

"Terima kasih kepada Pengurus Mais Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dan EXCO Agama yang mengatur pertemuan dengan wakil rakyat beragama Islam berbinang perkara ini," katanya pada 15 Mac.

## SSIPR kumpul data insentif negeri

**SHAH ALAM** - Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) yang mengumpul semua bentuk bantuan kebajikan kepada penduduk Selangor sentiasa dikemas kini.

Ahli Dewan Negeri Balakong Wong Siew Ki berkata proses tersebut memudahkan penduduk membuat permohonan dengan lebih berkesan dan sempurna.

"Dengan sistem SSIPR yang dikemas kini, pusat khidmat masyarakat wakil rakyat dapat membantu warga Selangor dengan lebih efektif, efisien dan sempurna," katanya pada 15 Mac.

Beliau juga mencadangkan SSIPR merangkum inisiatif dan program anjuran kerajaan persekutuan.

## Serah lima notis langgar syarat tanah

**SHAH ALAM** - Lima daripada 13 lokasi sekitar Hulu Langat yang dikenal pasti menjalankan kegiatan pembuangan sampah haram pada tahun lalu diberi Notis 7A (pelanggaran syarat).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan semua lokasi itu melibatkan tanah milik individu berdasarkan rekod Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat.

Katanya, lokasi itu ialah Black Water Bandar Mahkota Cheras, PT42293

mukim Semenyih, tanah lot Kampung Sungai Tekali, Lot 2122 Taman Pinggiran Delima serta dua lot di Taman Pusara.

"Notis 7A dikeluarkan untuk semua lokasi yang dijadikan tempat pembuangan sampah haram. Ia mengambil sedikit masa sebelum kita keluarkan notis 8A untuk perampasan tanah," katanya.

Beliau menjawab soalan wakil rakyat Dusun Tua Edry Faizal Eddy Yusof berhubung jumlah tanah yang terlibat dalam masalah tersebut di Hulu Langat

pada sidang Dewan Negeri Selangor pada 15 Mac.

Amirudin menambah pihaknya juga mengenal pasti tiga lagi lokasi untuk dikeluarkan notis 7A iaitu Felcra Semungkis Batu 14, Kampung Simpang Balak dan Jalan Kuari Sungai Long.

"Operasi telah dilaksanakan termasuk mengenal pasti pemiliknya dan papan tanda amaran pencerobohan tanah kerajaan dipasang," kata wakil rakyat Sungai Tua.

### Status kerja capai 40.8 peratus

## Empat projek atasi gangguan air

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SHAH ALAM** - Pelaksanaan projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) bagi menyelesaikan pengurusan air secara holistik di negeri ini mencapai 40.8 peratus setakat 28 Februari.

EXCO Alam Sekitar Hee Loy Sian memaklumkan projek merangkumi empat pakej kerja utama yang dilaksanakan secara berperingkat bermula November 2021 dijadual siap pada hujung tahun ini.

Beliau menjelaskan pakej A yang bermula 24 Jun tahun lalu mencapai 26.91 peratus manakala pakej B yang dimu-

lakan pada 20 Disember 2021 menunjukkan prestasi 52.3 peratus.

"Pakej C bermula 5 November 2021 pula mencapai 45.36 peratus dan pakej D (20 Disember 2021) mencatat prestasi 54.61 peratus," katanya pada 15 Mac.

Pakej A ialah kerja pembekalan, pemasangan, pengujian dan pentaulahan sistem pengepaman dan kerja berkaitan di Kolam HORAS 600 Kampung Sungai Darah, Bestari Jaya, Kuala Selangor.

Pakej B melibatkan kerja sama di muka sauk LRA Rantau Panjang, Kuala Selangor manakala muka sauk LRA SSP 1, 2 & 3 Bestari Jaya, Kuala Selangor (pakej C) dan muka sauk LRA Sungai Semenyih, Jen-

deram Hilir (pakej D).

Loy Sian menambah perancangan SJAM merangkumi dua fasa iaitu mengurangi pencemaran di Sungai Selangor dan memastikan bekalan air mentah mencukupi untuk menghadapi kemarau.

Beliau berkata rakyat akan mendapat manfaat melalui konsep pembekalan air berterusan tanpa gangguan jika berlaku pencemaran di Sungai Selangor dan Sungai Langat.

"Bagi fasa dua pula, kita tumpu program pengurusan sumber air secara holistik bagi memastikan simpanan air mencukupi untuk menampung permintaan ketika itu," katanya.

## Aplikasi khas mohon bantuan

**SHAH ALAM** - Yayasan Warisan Anak Selangor (Ywas) akan membangunkan aplikasi khas untuk memohon Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Skim Mesra Insan Istimewa (SMIS) dan Jom Shopping Perayaan.

EXCO Kerajaan Prihatin V Ganabatirau berkata aplikasi berkenaan yang masih dalam kajian itu juga mengambil kira faktor ketercapaian, keselesaan, kos dan peruntukan negeri.

"Tahun ini baru dimulakan dengan

sistem terbuka untuk program SMUE atau SMIS, maka penggunaan aplikasi mengambil kira faktor tersebut," katainya di Dewan Negeri Selangor pada 17 Mac.

Terdahulu, wakil rakyat Permatang Rozana Zainal Abidin mencadangkan Kerajaan Negeri supaya membangunkan aplikasi khas untuk mempercepat permohonan SMUE dan SMIS.

Ganabatirau juga menjelaskan purata proses dan kelulusan permohonan

an pendaftaran ahli baharu bagi SMUE mengambil masa sebulan.

Beliau menambah permohonan skim itu meningkat lebih 300 peratus sebulan sejak Januari lalu berikutan nilai bantuan bertambah kepada RM150 berbanding RM100 pada tahun sebelumnya.

"Kita terima 2,528 permohonan pada November tahun lepas diikuti 4,369 (Disember), 13,074 (Januari) dan 11,775 (Februari)," katanya.

## Giat baiki jalan, sistem perparitan

**SHAH ALAM** - Infrasel Sdn Bhd (Infrasel), syarikat penyelenggara jalan negeri giat membaik pulih laluan dan sistem perparitan di Hulu Selangor, Sepang dan Selayang.

Menurut Infrasel, kerja tersebut dijayakan di Batang Kali melibatkan Jalan B113 Batang Kali-Ulu Yam Bharu, Seksyen 1.50-1.80, jalan negeri daerah Hulu Selangor.

"Sehingga 14 Mac kerja-kerja telah

mencapai 75 peratus," menurut kenyataan di Twitter pada 16 Mac.

Pembaikan jalan di Jalan B48 Jen deram-Sepang juga dibuat pada hari sama selain membaik pulih sistem perparitan di Sungai Tua, Selayang melibatkan Jalan Sungai Tua-Ulu Yam dekat sini.

"Sehingga 14 Mac lalu kerja tersebut sudah mencapai 70 peratus selesai," kata Infrasel.

Pada 15 Januari, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan peruntukan RM50 juta bagi projek penurapan melibatkan penyelenggaraan serta pelebaran jalan kelolaan negeri.

Sebelum ini, EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim memaklumkan kerja penurapan jalan besar-besaran di seluruh negeri dilaksanakan mulai bulan ini.



**Chang Khim (tiga kiri) bersama Kai Ping (tiga kanan) dan Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat MBI Ahmad Azri Zainal Nor (dua kiri) selepas perasmian program Smart Raya Selangor 2023 di bangunan pentadbiran negeri, Shah Alam pada 16 Mac. FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM**

2,800 terima manfaat ASAS

# Kanak-kanak dapat makanan berzat

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

**SHAH ALAM** - Seramai 2,800 kanak-kanak bakal menerima bantuan makanan berkhasiat menerusi inisiatif Anak Selangor Anak Sihat (ASAS) pada tahun ini.

EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariyah Mahmud berkata dana RM500,000 diperuntuk bagi menjayakan program berkenaan menerusi agenda Iltizam Selangor Sihat.

"Seramai 50 penerima bagi setiap

Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor diperuntuk pemberian pek permulaan ASAS selain penganjuran Karnival ASAS di sembilan daerah.

"Selain itu, 56 pusat ASAS akan ditubuhkan di DUN sebagai tempat untuk aktiviti pemantauan dan memastikan kelestarian program ini dalam jangka masa panjang," katanya pada 16 Mac.

Beliau berkata Sukarelawan Kesiha-

tan Komuniti (SUKA) terlibat untuk mengambil data berkaitan tinggi dan berat penerima manfaat selain memantau penyediaan makanan.

"Kanak-kanak yang terlibat juga diberikan akses kepada pakar pemakanan dan pakar perubatan bagi mengambil analisa tentang keadaan semasa penerima dari segi berat, tinggi dan cara pemakanan," katanya.



# Tukar tanah dimuktamad April

**SHAH ALAM** - Kawasan sekitar Klang dan Hulu Selangor dikenal pasti menjadi tanah yang bakal dianugerah kepada pemaju Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) bagi membayai kos pembinaannya.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pembayaran secara pertukaran tanah (land swap) kepada Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) akan muktamad pada April.

"Ada pilihan di Klang dan Hulu Selangor. Pulau Carey tiada dalam senarai kerana kita tumpu pembinaan

pelabuhan ketiga dan Wilayah Pembangunan Serantau Bersepadu Selatan Selangor (IDRISS)

"Selepas Aidilfitri, kita isytihar di mana tapaknya dan berapa kos keseluruhan, bagaimana kewangan projek dapat dilaksanakan," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 14 Mac.

Ahli Dewan Negeri Sungai Tua itu menjawab soalan tambahan wakil rakyat Bukit Antarabangsa Dato' Seri Mohamed Azmin Ali mengenai pertukaran tanah bagi kos pembiayaan KSSA.

Menurut Amirudin, tanah sekitar stadium di Seksyen 13 terutama berhampiran Pasaraya Giant tidak menjadi pilihan pertukaran kerana terlibat dengan projek tebatan banjir.

Pada 15 Julai, Amirudin menegaskan tiada dana awam digunakan bagi pembangunan semula KSSA berikutan pelaksanaannya bersifat perkongsian awam-swasta.

Projek itu juga akan memanfaatkan akses dan kelebihan sedia ada di kawasan terbabit seperti lokasi strategik dan jarak yang berhampiran stesen transit aliran ringan laluan Shah Alam.

# Festival usahawan Aidilfitri 7 April

**SHAH ALAM** - Selangor menganjurkan Festival Usahawan Gempak yang menawarkan pelbagai barang keperluan beserta potongan harga sempena Hari Raya Aidilfitri bermula 7 April.

EXCO industri kecil dan sederhana berakta inisiatif Smart Raya Selangor 2023 yang menghimpunkan 150 usahawan tempatan diadakan selama tiga hari sehingga 9 April di Stadium Malawati di sini.

Dato'Teng Chang Khim menjangka festival kendalian Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) dikunjungi 25,000 pengunjung.

"Saya teruja menyaksikan himpunan usahawan mikro dan makro, yang diharap sedikit sebanyak membantu usahawan di Selangor menjana pendapatan lebih bagi menyambut Aidilfitri," katanya pada 16 Mac.

Ketua Pegawai Eksekutif Sidec Yong Kai Ping berkata baucar beli-belah RM40,000 disediakan kepada pengunjung untuk ditebus sepanjang festival selain hadiah cabutan bertuah.

# Dasar jamin hak kanak-kanak

**SHAH ALAM** - Dewan Negeri Selangor (DNS) sebulat suara meluluskan usul Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025 bagi menjamin hak kumpulan itu.

Speaker Ng Suee Lim berkata Selangor negeri pertama memiliki dasar sedemikian hasil usul yang dibawa EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga Dr Siti Mariah Mahmud sebelum dibahas tujuh wakil rakyat.

"Tiada negeri lain yang bentang dasar kanak-kanak sepanjang lima tahun. Selangor teliti daripada semua aspek sosial, ekonomi, kebudayaan dan isu kanak-kanak pun kita tidak terlepas."

"Inilah kerajaan mesra rakyat, berterampilan dan faham denyut nadi rakyat," katanya pada 17 Mac sambil menambah dasar berkenaan akan diteliti pada penggal akan datang.

# Guaman percuma selesai 15 kes

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM29,820 peruntukan program Dana Bantuan Guaman Selangor digunakan dalam tempoh enam bulan antara September 2022 hingga 6 Mac.

EXCO Kerajaan Prihatin V Ganabatirau berkata dana tersebut disalur kepada Jawatankuasa Peguam Selangor untuk khidmat percuma bagi menyelesaikan 15 daripada 19 kes sepanjang tempoh itu.

"Jawatankuasa itu menerima 12 permonian kes kekeluargaan. Lima daripadanya dalam proses mahkamah manakala selebihnya pada peringkat awal sebelum prosiding mahkamah."

"Tiga lagi kes pekerjaan iaitu satu dalam proses mahkamah dan dua peringkat awal sebelum prosiding mahkamah," katanya.

## Lebih 87,000 daftar program SEHAT

**SHAH ALAM** - Seramai 87,877 pengguna berdaftar dalam program Selangor Mental Sihat (SEHAT) setakat Februari sejak dilancar 30 Ogos tahun lepas.

EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariyah Mahmud berkata data aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) menunjukkan majoriti pengguna dalam kalangan belia dan wanita.

"Program kesihatan mental diperkenal pada 2019 bagi membantu golongan yang menghadapi masalah tersebut melalui program advokasi kesedaran dan latihan kepada kaunselor dan barisan hadapan.

"Ia ditambah baik kepada SEHAT bermula 2021 melalui fungsi khusus dalam aplikasi SELangkah," katanya pada 14 Mac.

Katanya, ujian mendapati 42 peratus pengguna tiada risiko manakala pemeriksaan skala jangkaan tekanan (PSS-10) mengesan 22 peratus tahap normal, 65 peratus (sederhana) dan bakinya tekanan tinggi.

## Pengunjung puji kualiti beras

**KLANG** - Beras cap Ehsan menjadi barang paling awal habis dalam tempoh kurang dua jam dalam program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sementa pada 14 Mac.

Penyelaras DUN Norsila Baruddin berkata pengunjung di Balai MPKK Kerayong 2 di sini memuji mutu beras itu yang disifatkan sedap berdasarkan pembelian mereka sebelum ini.

"Selain beras, barang yang turut habis dijual adalah ayam, daging, ikan manakala jualan telur kali ini agak perlahan, mungkin penduduk lebih memilih barangan basah.

"Anggaran lebih 700 pengunjung hadir dan kita turut dimaklum ada yang datang seawal jam 8 pagi kerana teruja untuk dapatkan barang pada harga murah," katanya pada 14 Mac.

## Jualan ayam, telur habis dalam sejam

**GOMBAK** - Sebanyak 300 ayam dan 300 papan telur habis dalam sejam pada Jelajah Ehsan Rakyat (JER) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua.

Justeru, pengurus pusat khidmat masyarakat meminta Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menambah jumlah produk itu supaya lebih ramai penduduk mendapat manfaat.

"Kita minta tambah terutama ayam kerana permintaan tinggi. Kami juga harap minyak botol ditukar kepada saiz lebih kecil," kata Maimon Misman pada 15 Mac.

Penolong Pengurus Ladang PKPS Syaiful Asraf Lokman pula berkata pihaknya giat menambah baik mutu perkhidmatan kepada penduduk terutama menjelang Ramadan.

## Kajian: Berpuasa tingkat kesihatan

**SHAH ALAM** - Amalan berpuasa membantu mengawal paras gula dalam darah dan memperbaiki tindak balas insulin dalam tubuh manusia.

Edisi 30 Mac - 5 April berkongsi tulisan kolumnis Zamir Mohyedin yang mengupas kelebihan berpuasa dari sudut sains berdasarkan kajian terhadap 10 pesakit kencing manis tahap dua.

Keputusan menunjukkan paras gula turun apabila mereka berpuasa manakala tindak balas insulin membolehkan sel-sel menyerap glukos daripada gula seterusnya ditukar menjadi tenaga.

Hasil penyelidikan juga mendapati jangka hayat tikus yang 'berpuasa' meningkat sehingga 28 peratus. Kajian lain membuktikan puasa memperlambat proses pembentukan ketumbuhan

han barah pada haiwan.

Pancawarna juga memuatkan ulasan kolumnis Daniyal Kadir terhadap filem Imaginur lakonan Beto Kusyairi dan Diana Danielle perihal kepudaran memori dan ketakutan yang dihadapi manusia.

Karya Nik Amir Mustapha dan Redza Minhat itu juga memberi pengertian terhadap situasi yang berlaku kepada orang yang melawan lupa dan bertarung

dengan penyakit alzheimer.

Imaginur berkisar pergolakan watak Zuhal (Beto Kusyairi) yang mahu mempertahan kenangannya bersama isterinya Nur sekali gus menjadi perlambangan dalam melawan penyakit tersebut.

Sisipan turut menyiaran pandangan orang awam termasuk pelajar berkaitan Menu Rahmah sepanjang Ramadan berikutnya program itu menjimatkan kos perbelanjaan sehari.

Turut dipapar, pandangan peniaga yang menyertai program anjuran kerajaan bagi membantu orang ramai khususnya golongan berpendapatan rendah.



## Pengunjung mahu JER diteruskan

# Tambah kuantiti sayur, buah

Oleh SHEEDA FATHIL

**KLANG** - Program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) terus menarik perhatian orang ramai untuk mendapatkan barang keperluan asas pada harga murah.



Suri rumah Hasyidatul Farahida Hashim, 34, tidak pernah melepaskan peluang mengunjungi program itu setiap kali dianjur berhampiran rumahnya.

"Sejak tahun lepas, lebih 10 kali saya datang JER sekitar Klang sebab barangannya bukan takat murah tetapi bernut dan segar," katanya.

Melati Mat Zain, 48, berharap pro-

gram kendalian PKPS itu dianjurkan lebih kerap ketika Ramadan hingga menjelang Aidilfitri.

"Harap dapat dianjurkan selalu terutama dekat perayaan Aidilfitri nanti mudah untuk umat Islam mencari barang bagi membuat persiapan menu hari raya."

"Memang menjimatkan, saya belanja tidak sampai RM100 dapat beras, ayam, ikan, daging dan telur. Terima kasih Kerajaan Negeri semoga program ini diteruskan," kata suri rumah itu.

Warga emas Abdul Bakir Basir, 73, pulak tiga kali mengunjungi jualan murah tersebut untuk mendapatkan barang keperluan asas.

"Saya harap program akan datang, tambah lebih banyak barang asas seperti sayur, buah atau makanan laut

dan dijual pada harga lebih murah juga berbanding pasaran," katanya.

Mereka antara lebih 700 pengunjung jualan murah DUN Sementa di Balai MPKK Kerayong 2 pada 14 Mac.

JER menawarkan ayam RM10 se-ekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM10).

Inisiatif tersebut memanfaatkan lebih dua juta penduduk Selangor sepanjang tiga bulan pelaksanaan dari September hingga Disember tahun lepas.

Susulan sambutan menggalakkan, Kerajaan Negeri memperluaskan jualan barang asas murah ke 1,200 lokasi mulai 15 Januari hingga menjelang Mei.

## Bantu peniaga naikkan jualan air

**KLANG** - Peniaga air gembira jualannya lebih 200 cawan sehari ketika menyertai program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) sejak awal tahun lalu.

Zulkifli Johari, 60, berkata perisa pilihan ramai antaranya kopi Vietnam dan cappuccino manakala teh hijau serta coklat bagi bukan penggemar kafein yang dijual pada harga antara RM5 hingga RM13.

"Saya uruskan gerai kopi bersama seorang anak. Sejak serta JER, jualan meningkat hingga ratusan cawan dalam tempoh kurang empat jam."

"Terima kasih kepada pusat khidmat masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sementa dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) kerana benarkan kami cari rezeki di sini," katanya pada 14 Mac.

Zulkifli yang menyertai program peringkat DUN Sementa mengakui perniagaannya sebelum ini terjejas akibat pandemik sebelum bangkit merusak jualan air sembilan perisa atas jenama Kopi Goyang.

"Lebih lima kali kami ikut program JER antaranya di Sementa, Meru, Kapar dan Kerayong. Jika tiada, kami bermula di Jalan Keretapi Lama, Klang," katanya.



Lah Ahmad  
seronok  
bernasjyd  
16

Kerajaan Selangor tidak pernah mengabaikan usaha memperkasa Islam, malah ia semakin dipergiat. Dalam tempoh lima tahun sejak 2018, kira-kira RM1.4 bilion disalur, tidak termasuk RM583 juta dilulus dalam Belanjawan Selangor 2023.

Antara 2019 hingga 2022, Kerajaan Negeri memperuntuk dana RM105 juta setahun untuk pengurusan dan penyelenggaraan sekolah agama, masjid dan surau di seluruh Selangor.

Dalam tempoh sama, Kerajaan Negeri menyediakan RM185 juta bagi membina dan membaik pulih 78 buah masjid dan 75 surau, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di Twitter.

Beliau juga mengumumkan pembinaan beberapa masjid baharu di Petaling, Gombak dan Klang selain pembayaran emolumen pengurusan masjid, surau dan institusi pendidikan Islam.

Elaun guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) juga dinaikkan kepada RM1,500, jumlah tertinggi di Malaysia bagi mencapai kadar gaji minimum seperti pekerja dalam sektor lain.

Membangunkan institusi ibadah Islam menerusi pembangunan prasarana diutamakan. Kerajaan Negeri terus menyalur sumber kewangan untuk masjid dan surau seiring perkembangan masa.

Bantuan meliputi semua kawasan melalui program-program untuk memastikan ajaran Islam terus dimartabat. Sumbangan diagih kepada institusi itu memberi keselesaan kepada jemaah seterusnya menyemarakkan nilai Islam dalam masyarakat.

Sejak 2018 hingga 2022, Kerajaan Negeri menyalur dana RM20 juta atau RM4 juta setahun bagi mengurus masjid dan surau.

Turut disalur jutaan ringgit untuk mengimarahkan bulan puasa, sumbangan hari raya, bantuan khas raya bagi petugas masjid dan

Sejak menang pada 2008, Kerajaan Negeri bawah pentadbiran Pakatan Harapan (dahulunya Pakatan Rakyat) memberi perhatian besar pada kemajuan Islam.

Sempena 15 tahun pentadbiran gabungan itu, Selangorkini turut memuatkan rencana usaha negeri membantu peniaga kecil dan anak muda meningkatkan sosioekonomi mereka. Fokus dua kumpulan ini disediakan di halaman 14 dan 15.

Wartawan AMIN RIDZUAN ISHAK menyorot usaha pembangunan Islam dengan jumlah dana yang besar bagi menyediakan pendidikan agama dan menyelenggara pusat ibadah.

## Menjulang syiar Islam



insentif khas Ramadan serta Aidilfitri.

### Sultan puji

Usaha itu mendapat pujian Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj yang menzahirkan rasa sukacita Baginda dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 13 Mac.

“Beta menyambut baik langkah kerajaan Beta untuk terus memperkasa syiar Islam di bumi Selangor Darul Ehsan ini.

“Untuk tahun ini, sebanyak RM65 juta telah disediakan khusus bagi tujuan pembangunan sekolah agama, masjid dan surau serta pejabat agama Islam,” titah Baginda ketika pembukaan sidang DNS.

Pada 23 Ogos 2021, Baginda berkenan langkah Kerajaan Negeri menyediakan caruman Pertubuhan

Keselamatan Sosial (Perkeso) kepada ribuan guru kelas Kafa.


Tahun ini, bantuan dilanjutkan pula kepada 2,825 guru Kafa yang menikmati elauan kepada RM1,500 sebulan mulai Januari lalu sebagai komitmen menjaga kebajikan kumpulan itu.

Keprihatinan membangunkan pendidikan Islam turut diserahkan dengan dana RM102.3 juta disediakan, antaranya untuk baik pulih prasarana, pembayaran elauan guru serta penyeidiaan kelengkapan.

Usaha berkenaan turut dibantu agensi dan anak syarikat negeri seperti Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI yang turut memikul tanggungjawab itu. Hampir RM850,000 dibelanjakan untuk meringankan beban sekolah rendah agama sejak 2019 hingga 2022.

Sumbangan itu memanfaatkan 85 sekolah untuk menjalankan program motivasi, baik pulih kemudahan, pembelian peralatan seperti komputer dan sumbangan kepada murid kurang berkemampuan.

### DANA UNTUK SEKOLAH AGAMA, MASJID & SURAU (RM)



### BANTUAN SEKOLAH RENDAH AGAMA SELANGOR

	2018	2019	2020	2021	2022
Pengurusan	RM96.2 juta	RM96.5 juta	RM96.6 juta	RM98.7 juta	RM98.4 juta
Penyelenggaraan	RM4 juta	RM1 juta	RM1 juta	RM3.49 juta	RM4.9 juta

### DANA SELENGGARA MASJID & SURAU

	2018	2019	2020	2021	2022
Masjid	RM5 juta	RM2 juta	RM2 juta	RM3 juta	RM4.5 juta
Surau	RM500,000	RM400,000	RM500,000	RM500,000	RM500,000

# Rezeki Ramadan



**S**empena Ramadan yang barakah, orang ramai khususnya umat Islam berpeluang menikmati aneka juadah berbuka puasa.

Lebih 200 lokasi bazar Ramadan menjual pelbagai jenis makanan tradisi hingga hidangan moden bertebaran di seluruh negeri.

Wartawan NADIAH ZAMLUS menyenarai sebahagian bazar berkenaan meliputi 12 pihak berkuasa tempatan yang menarik untuk dikunjungi.

## Majlis Daerah Sabak Bernam

- Tapak Pasar Awam Sekinchan
- Jalan Bunga Matahari Sungai Besar
- Dataran Usahawan Sabak
- Dataran Tanah Lesen Parit Baru
- Tapak Pasar Malam Pasir Panjang

## Majlis Perbandaran Hulu Selangor

- Tapak Penjaja JRD Jalan Ara Batang Kali
- Tapak Pasar Malam Bukit Sentosa
- Tapak Pasar Pagi Taman Seri Batang Kali
- Taman Cempaka Serendah
- Antara Gapi Serendah
- Jalan Seroja Bukit Sentosa
- Jalan Telipot Bukit Sentosa
- Jalan Kantan Bukit Beruntung
- Sebelah Medan Selera Sungai Buaya

## Majlis Perbandaran Kuala Selangor

- Hadapan IADA Kuala Selangor
- Hadapan Lotus Kuala Selangor
- Jalan KP/2 Pusat Bandar Tanjong Karang
- Medan Selera MPKS Jalan Bomba Tanjong Karang
- Jalan Naluri Sukma Puncak Alam
- Hadapan Balai Raya Saujana Utama
- Jalan Sejati 1 Kampung Ijok
- Jalan DC 4/5 Desa Coalfields
- Tapak Pasar Awam Lama Sungai Buloh
- Jalan Puncak Alam Jaya 10 Bandar Puncak Alam
- Astana Alam Fasa 3 Puncak Alam
- Alam Jaya Puncak Alam
- Jalan Dataran Suria 15/7/1 Puncak Alam

## Majlis Perbandaran Selayang

- Dataran Shell Greenwood Taman Greenwood Gombak
- Jalan Samudra Timur Taman Samudra Gombak
- Bandar Baru Selayang
- Jalan 11 Taman Selayang Utama
- Jalan E 3/8 Taman Ehsan Selayang
- Jalan 11B Selayang Baru
- Dataran Masjid Nurul Yaqin Kampung Melayu Sri Kundang Kepong
- Puteri Central Park Bandar Tasik Puteri Rawang
- Bandar Rawang
- Dataran Niaga Tun Teja Rawang
- Tapak Pasar Malam Green Valley Bandar Tasik Puteri Rawang



## Majlis Perbandaran Klang

- Lorong Haji Umar Pulau Indah
- Taman Kem Pelabuhan Klang
- Flat Samudera Pulau Indah
- Jalan Sg Chandong 8 Bandar Armada Putra Pulau Indah
- Pasar Awam Telok Gong
- Pandamaran Jaya, Jalan 97
- Pandamaran Jaya, Jalan 9
- Taman Pandamar Indah 2
- Pangaspuri Seri Perantau
- Taman Setia Johan Setia
- Bandar Puteri Johan Setia
- Tapak Penjaja Bandar Putera 2

- Jalan Penghulu Abu Bakar
- Jalan Kluang
- Jalan Bukit Kuda
- Bandar Baru Klang Jalan Tiara (Hadapan Flat Mawar)
- Bandar Sultan Suleiman (berdekatan masjid)
- Jalan Paip Pekan Meru
- Jalan Raja Mokhtar Kapar

### Majlis Bandaraya Shah Alam

- Jalan 6/1F Seksyen 6
- Jalan Kristal AS7/AS Seksyen 7
- Jalan Liku A 8/A Seksyen 8
- Jalan 16/3 Seksyen 16 (Hadapan Dewan MBSA)
- Jalan 17/20 Seksyen 17 (Hadapan Dewan MBSA)
- Jalan 18/34 Seksyen 18 (Hadapan Klinik Ahmad Shah)
- Tapak Pasar Malam Jalan 19/D Seksyen 19
- Jalan Singa 20/2 Seksyen 20
- Tapak Usahawan Mikro Jalan Timun 24/C Seksyen 24
- Jalan Teraju 25/67 Seksyen 25
- Jalan Bukit Raya 27/8 Seksyen 27
- Jalan 28/5 Seksyen 28 (berhampiran Restoran KFC)
- Jalan Saujana Indah TTDI Jaya
- Tapak Pasar Malam Jalan Dinar Subang Perdana
- Jalan Nova N U5/N Subang Bestari
- Jalan Matahari U5/117
- Jalan U5/BV Subang 2
- Jalan C U8/C Bukit Jelutong (hadapan My Mydin)
- Jalan Setia Prima A U13/A Seksyen U13
- Jalan Setia Perdana BB U13/BB Seksyen U13 (Taipan 2)
- Jalan BRP 1/4, Bukit Rahman Putra, Bandar Baru Sungai Buloh

### Majlis Bandaraya Petaling Jaya

- Jalan PJS 2/3 Taman Medan
- SS6/1 Kelana Jaya
- Seksyen 17/1A
- SS 8 Sungai Way
- Taman Sri Manja PJS 1/30
- Seksyen 14/27 (Pasar Seksyen 14)
- Kampung Lindungan PJS 6/3
- Desa Mentari PJS 6/5
- Seksyen 51A Kampung Baiduri
- Seksyen 8 Sungai Jernih
- Seksyen 3 Jalan Sentosa 3/57
- Lembah Subang
- Kampung Sungai Kayu Ara
- Seksyen 4 Kota Damansara
- Jalan Teknologi 3/1 Kota Damansara
- Seksyen 7 Kota Damansara
- Apartment Vista Business Centre Damansara Damai
- Prima Damansara
- Jalan Kenyalang 11/1 Kota Damansara



### Majlis Bandaraya Subang Jaya

- USJ 4 Subang Jaya (Jalan USJ 4/5)
- USJ 7 Subang Jaya
- USJ 1 Subang Jaya (Pangsapuri Angsana)
- Batu 3 Shah Alam (sebelah Tapak Pasar Malam Lama Batu 3)
- SS 19 Subang Jaya
- SS 13/1A Subang Jaya
- Bandar Kinrara 5 (Jalan BK 5A/1)
- TK 4 Taman Kinrara (Jalan TK 4/5)
- Dataran Niaga Puchong Permai
- Taman Puchong Prima Jalan Prima 5/1 Taman Puchong Perdana
- Taman Puchong Utama (Jalan PU 7/2) Bandar Bukit Puchong
- Kampung Tengah Jalan Kempas
- Jalan SP 3 Pangsaipuri Sri Begonia
- Putra Heights (tepi Jalan Petaling)
- Jalan 18/35 Taman Seri Serdang
- Jalan PP 1B Taman Equine
- Jalan PUJ 3/2 Taman Puncak Jalil
- Jalan LEP 1/1C Lestari Putra
- Jalan Putra Permai Selesa
- Jalan LP 7/2 Taman Lestari Perdana

### Majlis Perbandaran Ampang Jaya

- Padang Perbandaran MPAJ Pandan Indah
- Kompleks Muhibbah Pandan Indah
- Pandan Jaya Pandan Indah
- Taman Sri Bayu Lembah Jaya
- Bukit Indah Lembah Jaya
- Taman Melawati Hulu Kelang

- Keramat Permai Hulu Kelang
- Jalan AU2 Hulu Kelang
- Taman Melawati Hulu Kelang
- AU5 Keramat Hulu Kelang
- Taman Permata Hulu Kelang
- Ukay Perdana Jalan Ukay Perdana 1 Bukit Antarabangsa
- Bandar Baru Ampang Bukit Antarabangsa
- Jalan 16 A Taman Dato' Ahmad Razali Bukit Antarabangsa
- Jalan Pandan Cahaya 1/1 Bukit Antarabangsa

### Majlis Perbandaran Kajang

- Jalan Jenaris 2A Desa Sri Jenaris Kajang
- Lot Komersial Jalan Kantan Permata Kajang
- SMPA Batu 13 Jalan Cheras Kajang
- Dataran Prima Saujana Taman Prima Saujana Kajang
- Jalan Reko Sentral 2 Kajang
- Tapak Pasar Malam Taman Jasmin Kajang
- Pasaraya Eco Shop TTDI Grove Kajang
- Jalan Seri Putra 1/3 Bandar Seri Putra Kajang
- Bandar Tun Hussein Onn Cheras
- Laman Niaga Bandar Mahkota Cheras
- Tapak Pasar Malam Tun Perak Taman Tun Perak Cheras
- Seksyen 7 Bandar Baru Bangi
- Seksyen 9 Bandar Baru Bangi
- Taman Ramal Indah Bangi
- Bandar Teknologi Kajang Semenyih
- Jalan TPS 1/1 Hadapan Lotus Semenyih
- Jalan 3/1 Bandar Tasik Kesuma Beranang
- Pekan Sari Beranang
- Tapak Pasar Malam Taman Sri Nanding Hulu Langat

### Majlis Perbandaran Kuala Langat

- Tapak Pasar Malam Banting
- Taman Langat Murni
- Hadapan Aked Makan Tanjung Sepat
- Tapak Pasar Malam Taman Pahlawan
- Tapak Parkir Batu Laut
- Jalan Cengal Taman Banting Baru
- Jalan Emas 1 Bandar Sungai Emas
- Tapak Pasar Malam Sungai Rambai
- Jalan Palas 2 Taman Dato Hormat

### Majlis Perbandaran Sepang

- Bazar Ramadan Kosmopleks
- Bazar Ramadan Taman Putra Perdana
- Bazar Ramadan Dengkil
- Bazar Ramadan Sungai Pelek
- Bazar Ramadan Pekan Salak
- Bazar Ramadan Kota Warisan (Kip Mall)
- Bazar Ramadan Taman Mas
- Bazar Ramadan Desa Pinggiran Putra
- Bazar Ramadan Sungai Merab
- Bazar Ramadan Taman Dengkil Jaya
- Bazar Ramadan Cyberjaya

# Iltizam bella rakyat



Amirudin bersama penerima surat tawaran Skim Smart Sewa di Petaling. Diperkenal sejak 2015, skim itu membantu golongan berpendapatan rendah (B40) memiliki kediaman sendiri



Amirudin bersama penerima surat tawaran Skim Rumah Selangorku di Petaling. Sehingga Julai lalu, Kerajaan Negeri tawar 47,861 unit rumah mampu milik itu kepada golongan sasaran



Orang ramai sibuk memilih barang dapur murah di reruai Jelajah Ehsan Rakyat ketika jelajah di Petaling. Program jualan barang asas itu dianjur Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor



## FAKTA SELANGOR:

- **6.52 JUTA PENDUDUK :** POPULASI TERPADAT DI MALAYSIA
- **24.8% :** SUMBANGAN HAMPIR SATU PER EMPAT DARI KESELURUHAN KDNK MALAYSIA
- **32% :** SUMBANGAN SEKTOR PEMBUATAN NASIONAL TERTINGGI DI MALAYSIA
- **26% :** SUMBANGAN SEKTOR PERKHIDMATAN NASIONAL TERTINGGI DI MALAYSIA

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberi penerangan kedudukan Selangor sebagai penyumbang terbesar ekonomi negara pada 2021 sebanyak 24.8 peratus



Penyanyi Tomok menghiburkan pengunjung dengan lagu popularnya Sejarah Mungkin Berulang di jelajah Petaling



Kakitangan Tourism Selangor Farah Diana Rozaini (kiri) dan Nora Dila Ahmad menunjukkan peta lokasi menarik di negeri ini, kemen Nak Bercuti? Pusing Selangor Dul! dilancarkan bagi menggalakkan rakyat melancong ke negeri ini



SELANGOR meluaskan lagi jaringan bantuan kepada rakyat sejak 2008. Dengan paket bantuan lebih banyak manfaat, Siri itu diteruskan menerusi Jelajah Kita Selangor Penyayang (JKSP). Mempromosi lebih 40 inisiatif Iltizam Selangor Penyayang, ia berlangsung di Sepang dan Petaling pada 11 dan 12 Mac lalu. Lensa NUR ADIBAH AHMAD IZAM merakam kemeriahan promosi paket bantuan di Pusat Penjaja Taman Putra Perdana, Puchong dan Desa Mentari 3, Blok 11. Keterangan foto disediakan NADIAH ZAMILUS.



EXCO Perumahan dan Kesejahteraan Bandar Rodziah Ismail (empat, kanan) bersama penerima program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan di Sepang



Rodziah selepas menyerahtera baucar Jom Shopping Skim Mesra Usia Emas, insentif pemberian Kerajaan Negeri itu naik kepada RM150 berbanding RM100 sebelum ini



Kanak-kanak tiga tahun, Mohd Syawal Zulchimalain didukung ibunya, Noor Zamira Zulkifli selepas diumum pemenang cabutan bertuah yang membawa pulang motosikal ketika jelajah di Sepang



Penyanyi Baby Shima mendendangkan lagu Lalai, ciptaan penggubah teknologi Ezra Kong




Orang ramai mengikuti kelas membuat karipap anjuran Wanita Berdaya Selangor. Institusi itu diwujud bagi membangunkan kaum Hawa menerusi Badan Pemikir, Pembinaan Kapasiti dan Program Pemberdayaan Wanita

# Melahir usahawan

**Kerajaan**  
Selangor menyediakan pelbagai program bagi memacu perniagaan usahawan, khususnya peniaga kecil. Sepanjang 15 tahun pentadbiran, dana ini berjaya membantu mereka meningkatkan daya saing. Program ini juga bertujuan membasmi kemiskinan.

**Wartawan ABDUL RAHIM SABRI** mengumpul jumlah peruntukan dan penerima beberapa program utama.



## PINJAMAN HIJRAH

DITUBUHKAN pada 2015, Yayasan Hijrah Selangor menyediakan pinjaman kewangan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal.

Pinjaman diberikan dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM100,000 mengikut syarat ditetapkan.

Terdapat tujuh skim Hijrah ditawarkan kepada usahawan iaitu Skim Zero to Hero, Skim Niaga Darul Ehsan (NADI), Skim Pembentukan Digitalisasi (GO Digital), Skim i-Bisnes, Skim i-Lestari, Skim i-Agro dan Skim i-Bermusim.

Sehingga Mac 2023, seramai 57,738 peserta terlibat dengan dana lebih RM754 juta.

Seramai 34,379 penerima atau 60 peratus adalah usahawan wanita.

Jumlah penerima manfaat program ini seperti ditunjukkan dalam carta.

## GERAN DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR (DUMS)

KERAJAAN negeri mensasarkan sekurang-kurangnya 100 usahawan mikro setiap tahun di sembilan daerah mendapat manfaat yang diperkenalkan sejak 2015.

Setiap tahun sekurang-kurangnya 100 usahawan menikmati manfaat daripada bantuan ini. Setiap daerah diperuntukkan sebanyak RM250,000 untuk program bantuan DUMS.

Setiap pemohon yang menepati syarat dan kelayakan yang ditetapkan berpeluang untuk dipertimbangkan untuk menerima bantuan sehingga RM30,000.

Jumlah penerima manfaat program ini seperti ditunjukkan dalam jadual.

## PROGRAM BANTUAN BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN

INDIVIDU berpendapatan bawah RM1,500 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000 sebulan boleh memohon untuk meningkatkan taraf ekonomi sekali gus keluar daripada kemiskinan.

Melalui Belanjawan Selangor 2023, peruntukan RM2 juta disalur bagi membantu mereka sebagai penjaja, peniaga atau bekerja sendiri di negeri ini.

Pemberian bantuan dalam bentuk peralatan atau mesin perniagaan berdasarkan perusahaan dilaksanakan. Had siling permohonan sebanyak RM10,000.

Jumlah penerima manfaat program ini seperti ditunjukkan dalam jadual.

## PROGRAM PEMBINAAN UPAYA USAHAWAN INDIA SELANGOR

PROGRAM ini diperkenalkan untuk membantu usahawan India mengembangkan perniagaan. Mereka juga dilatih dalam pengurusan pemasaran dan kewangan.

Antaranya bimbingan perniagaan bersama syarikat peneraju terpilih selama tiga hingga enam bulan bergantung kepada industri yang terpilih.

Mereka juga diberi latihan jualan dan memahami keperluan perniagaan seperti pinjaman, permohonan perlesenan dan pendaftaran syarikat.

Bantuan peralatan kepada peniaga yang memulakan perniagaan sekurang-kurangnya enam bulan ke atas turut diberi dengan nilai maksima RM10,000 setiap permohonan.

Jumlah penerima manfaat program ini seperti ditunjukkan dalam jadual.

## GERAN DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR

	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	JUMLAH
Kuala Selangor	14	13	11	18	10	2	13	11	66
Sabak Bernam	15	11	15	14	11	12	13	7	66
Petaling	8	10	11	18	14	15	23	12	61
Hulu Langat	5	9	10	12	10	10	9	14	46
Sepang	12	13	17	20	23	14	14	17	85
Kuala Langat	17	14	18	22	15	14	11	8	86
Gombak	11	14	15	12	19	19	12	10	71
Klang	3	12	13	14	12	11	10	13	54
Hulu Selangor	8	14	15	15	13	12	19	13	65
JUMLAH	93	110	125	145	127	109	124	105	600

Sumber: Dewan Negeri Selangor, sesi Nov-Dic 2022

## BANTUAN BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN

	2017	2018	2019	2020	2021	2022	JUMLAH
Kuala Selangor	51	16	30	16	43	26	182
Sabak Bernam	83	65	75	79	90	68	460
Petaling	21	21	16	12	40	10	120
Hulu Langat	14	51	48	36	54	31	234
Sepang	71	65	98	41	65	6	346
Kuala Langat	75	102	58	26	69	28	358
Gombak	26	23	20	19	40	25	153
Klang	45	36	32	24	77	26	240
Hulu Selangor	84	67	46	16	51	39	303
JUMLAH	470	446	423	269	529	259	2,396

## PROGRAM PEMBINAAN UPAYA USAHAWAN INDIA SELANGOR

	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Latihan Pembangunan (Pengurusan)	418	320	575	300	300	259
Latihan Kemahiran (Skill/Pembuatan)	-	-	224	74	1,257	257
Getting Rich Own Way (GROW)	-	-	40	70	-	30
Dana Usahawan India Selangor (DUIS)	-	-	443	46	66	30
JUMLAH	418	320	1,282	490	1,623	576

## KARNIVAL KERJAYA

Selangor sering menganjurkan program ini dengan pelbagai nama. Bagi berdepan dengan pandemik Covid-19 mulai 2020, program itu diteruskan dalam skala besar iaitu Karnival Kerjaya Mega Selangor yang menawarkan 50,000 pekerjaan.

Kira-kira 7,000 pencari kerja menyertai program siri pertama, diikuti 20,000 lagi dalam siri kedua pada 2022. Karnival itu bagi memastikan kadar pengangguran di Selangor kekal bawah empat peratus.

Tawaran kerja disediakan lebih 100 syarikat yang menyertai acara tersebut antaranya Malayan Banking Berhad, Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd dan DRB Hicom Berhad selain agensi negeri.

Program berkenaan diteruskan melalui program Karnival Selangor Kerjaya pada tahun ini menerusi peruntukan RM1.4 juta.

## INISIATIF RODA DARUL EHSAN (RiDE)

PROGRAM ini bermula pada 2020. Dalam Belanjawan Selangor 2023, peruntukan RM2 juta disediakan untuk RiDE susulan permohonan memberangsangkan belia yang berminat menjadi penghantar makanan atau barang.

Ia menawarkan subsidi lesen motosikal B2 berjumlah RM350, kursus e-panggilan bernilai RM150 dan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial RM70 setahun.

Setakat Januari 2023, seramai 6,500 anak muda terpilih menyertai RiDE daripada lebih 14,000 permohonan. Mereka juga menerima caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Skim Insurans Am Selangor (INSAN).

## SELANGOR KERJAYA DAN SELANGOR FREELANCE

SISTEM profil, padanan kerja dan latihan kemahiran diperkenal dalam program Selangor Kerjaya pada 2021 bagi memadankan kebolehan pencari kerja dan keperluan majikan.

Program anjuran Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) melibatkan 10,000 tenaga kerja.

Selangor Freelance bawah PNSB pula program khusus bagi meningkatkan kemahiran dan menjana pendapatan melalui ekonomi sampingan digital.

Melalui kerjasama platform Workana, aplikasi tersebut memberi kebebasan kepada individu untuk bekerja secara kontrak sekali gus majikan tidak perlu mengajikan pekerja sepenuh masa.

Insentif RM400 turut diberi kepada peserta yang lulus latihan. Profil mereka yang melepas latihan dipaparkan kepada pelanggan bagi memilih anak muda untuk bekerja.

## PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN TEKNIKAL NEGERI SELANGOR

PUSAT Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC) di Kuala Selangor menyediakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) untuk anak muda mempelajari kemahiran tinggi.

Dijenama daripada Kolej Antarabangsa INPENS pada 2020, institusi bawah Kerajaan

sepangjang 15 tahun ditadbir Pakatan Harapan (dahulunya Pakatan Rakyat), Kerajaan Negeri menawarkan pelbagai bantuan dan kemudahan kepada anak muda untuk persediaan masa depan mereka. Didiami hampir separuh penduduk berusia antara 15 hingga 39 tahun, Selangor giat berusaha membangunkan keupayaan generasi muda termasuk menggalas Dasar Belia Negeri 2020. Wartawan ALANG BENDAHARA memperinci sebahagian usaha memperkasa anak muda, dari latihan hingga peluang pekerjaan.



# Tingkat upaya anak muda

## PROGRAM INISIATIF KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN IKHTIAS SMART SELANGOR (IKTISASS)

TAHUN	PERUNTUKAN	PENERIMA
2018	RM7 juta	98
2019	RM25 juta	1,257
2020	RM20 juta	279 (PKP)*
2021	RM20 juta	355 (PKP)
2022	RM18 juta	807

\* PKP - Perintah Kawalan Pergerakan ketika Covid-19

Sumber Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor

## KESUKARELAWANAN

PADA 2021, Sukarelawan Selangor (Serve) ditubuh bagi membentuk jentera sukarelawan untuk membantu masyarakat dan pentadbiran negeri dalam kecemasan.

Serve mensasarkan seramai 5,600 sukarelawan berdaftar iaitu 100 orang setiap Dewan Undangan Negeri (DUN).

## INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

MULA diperkenal pada 2013, bantuan tersebut menyediakan insentif RM200 kepada pasangan belia yang pertama kali berkahwin. Mulai Januari 2014, kadarnya naik kepada RM500 seorang.

Program bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) itu meringankan beban pasangan pengantin. Ia terbuka kepada anak negeri atau permastautin lebih 10 tahun meliputi pelbagai kaum.

Pada 2019, insentif itu dijajarkan semula kepada Program Insentif Generasi Muda Selangor (iGems) melalui pemberian RM300 seorang dan pasangan itu diwajib hadir kursus kekeluargaan.

## PROGRAM ADUN MUDA SELANGOR

PROGRAM Adun Muda Selangor diadakan sejak 2013. Sehingga 2021, 467 peserta terlibat dalam program ini. Ia bertujuan meningkatkan kesedaran politik generasi muda.

Pada 2020, program ini dijalankan secara maya sebagai langkah baharu meningkatkan keupayaan Dewan Negeri Selangor menganjurkan sebarang program secara dalam talian.

## PENGERAK BELIA SELANGOR (PEBS)

SEBANYAK RM2.83 juta diperuntuk Belanjawan Selangor 2023 kepada PeBS bagi melahirkan pemimpin pelapis.

Menyasarkan anak muda menjadi ejen perubahan dan jentera pelaksanaan dasar pembangunan belia peringkat akar umbi, sebanyak 159 program dijayakan PeBS pada 2022.

PeBS asalnya dijenamakan daripada Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang ditubuh pada 2009.

## e-SUKAN

DANA RM600,000 diperuntuk dalam Belanjawan Selangor 2023 untuk program e-sukan bagi menggalakkan lebih ramai anak muda menceburan bidang tersebut.

Menerusi pertandingan Xtiv Virtual sejak 2022, pelbagai acara dianjur antaranya PUBG, Mobile Legends Bang Bang, Call of Duty Mobile, Pro Evolution Soccer 2021, FIFA Pro Club, Selangor Xtiv Ride dan Selangor Xtiv Virtual Jump Rope Challenge.

Dimulakan sejak 2014, Selangor antara negeri awal yang mengadakan pertandingan seumpama itu.

# Selesa genre nasyid

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

**T**akdir penyanyi Lah Ahmad berubah selepas berundur daripada kumpulan Voices of Euphonious (V.E) pada 2007 dan bergerak solo.

Meski lagu-lagunya menjadi siulan ramai dan menjadi rebutan penganjur program untuk persembahan, beliau tidak terlepas melalui zaman sukar terutamanya sekitar 2013.

Pada waktu itu, pernah pemilik nama sebenar Abdullah Ahmad ini hanya memperoleh RM100 untuk sebuah persembahan dan ditawarkan dua persembahan dalam tempoh setahun.

“Waktu itu pun, duit RM100 saya bagi dua dengan pengurus saya. Maksudnya saya dapat RM60 dan dia bawa pulang RM40.

“Bayangkan, duit minyak pun tak lepas. Saya sempat juga merasa bawa cakera padat yang ada muzik semasa buat persembahan. Sayalah yang pasang sendiri dan naik ke pentas untuk bernyanyi,” katanya kepada Selangorkini baru-baru ini.

Mengakui beliau hampir putus asa dengan industri muzik ketika itu, Lah Ahmad tetap bersyukur kerana isterinya, Yasrina Yusoff sangat memahami keadaan dirinya dan bekerja bagi membantu keluarga.

“Jika kamu tanya macam mana saya boleh bertahan dalam keadaan itu, saya pun tak tahu. Tapi saya sangat bersyukur kerana isteri saya bekerja dan dialah yang banyak bantu keluarga ketika itu.

“Saya di rumah menguruskan anak-anak. Kerjaya sebagai penyanyi kadang ada persembahan, kadang tidak. Alhamdulillah dia faham situasi saya,” katanya.

## Sinar baharu

Lah mula mendekati majlis ilmu dan bergaul bersama pelajar dan guru tafhiz pada sekitar 2011.

Ketika itulah beliau mula aktif dengan kumpulan al-Mawleed yang dianggotai beberapa artis lain seperti Azzan Addin (Rabbani), Pot Amir (Innuendo), Zaf (V.E), dan Amer (Ruffedge) menyanyikan lagu selawat di masjid dan majlis keramaian.

Walau jauh hati dengan industri hiburan, Lah masih menghasilkan muzik dan memberikan demo lagu-lagunya kepada kumpulan nasyid In-team.

“Setelah lagu tersebut sampai kepada In-team, mereka berpendapat lagu berkenaan lebih sesuai dinyanyikan saya sendiri. Merekalah (In-team) yang banyak bagi semangat.

“In-team yakinkan saya bahawa kelompok nasyid ini berbeza. Pasti ada yang menghargai dan membeli karya saya. Pendek kata, In-team menjadi penyebab saya meneruskan kerjaya saya,” katanya.

Kompas karier Lah terus berubah sejak

bersama penggiat muzik nasyid. Kini pelantun lagu Kau Tercipta itu enggan mengejar populariti atau menjadi artis paling dicari. Segala karya yang dihasilkan bertujuan untuk meraih keberkatan Allah SWT dan memberi makan kepada keluarga.

“Saya inginkan sesuatu yang berkat, berterusan, lama dan berpanjangan. Tiada lagi perasaan untuk menjadi terkenal atau tular.

“Saya sudah pernah rasa dahulu berada di atas, juga sudah pernah rasa ketika Allah tarik semua nikmat dalam sekilip mata,” tambahnya.


Lah mendedahkan beliau kini banyak menerima tawaran membuat persembahan di majlis perkahwinan. Katanya meraikan pasangan mempelai menjadi pekerjaan yang seronok dan

mendamaikan dirinya.

“Dahulu kalau pergi majlis anugerah, orang akan pandang kita atas bawah. Mereka hendak tengok kita pakai baju pereka fesyen yang mana.

“Tetapi di majlis kahwin, tiada perkara sebegitu. Semua ingin meraikan pasangan pengantin dan tak kisah tentang kita. Saya rasa seronok, mungkin ada berkatnya di situ,” dedahnya.

Mengulas lanjut, Lah berkata, selepas konsert 25 Years Lah Ahmad Live In Concert yang diadakan pada Januari lalu, penyanyi itu turut melancarkan album terbaharunya berjudul Jatuh yang boleh didengari di semua platform penstriman muzik.





**TEKUN...** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika Majlis Ilmu Madani di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya pada 16 Mac. Hadir sama Shaikh Dr Yusry Rushdi Gabe al-Hasani dari Mesir. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Tanggung kenaikan kos haji B40

# RM150 juta untuk sekolah pondok

Oleh SOFIA NASIR

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan tambahan RM150 juta kepada sekolah pondok dan tafiz berdaftar di seluruh negara.

Beliau menjelaskan dana tersebut kesinambungan peruntukan bagi membaiki sekolah daif dalam Belanjawan 2023 pada Februari.

"Kita beri peruntukan tambahan kepada sekolah pondok dan tafiz yang

akan diselaras Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)," katanya dalam Kongres Nasional Khas Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) pada 18 Mac.

Anwar yang juga menteri kewangan turut mengumumkan kementeriannya menanggung kenaikan kos haji yang dialami golongan berpendapatan rendah (B40) pada tahun ini.

Katanya, golongan berpendapatan sederhana (M40) perlu membayar kenaikan kos haji pada kadar RM3,000 setiap jemaah manakala kelompok berpendapatan tinggi (T20) membayar

penuh kos itu.

"Jemaah B40 tahun lalu perlu bayar kenaikan kos RM1,000, tahun ini tidak perlu. Kementerian Kewangan tanggung semuanya. Tetapi untuk M40 naik RM3,000 dan T20 bayar penuh," katanya.

Sebelum ini, pengurusan Tabung Haji menjangka kos haji tahun ini meningkat kepada RM31,000 berbanding RM28,000 tahun lalu. Peningkatan itu turut membabitkan beberapa negara lain termasuk Indonesia, Brunei dan Thailand.

## Jamin tidak zalimi pembangkang

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menolak amalan politik permusuhan dengan mana-mana pihak dengan mengambil ikhtibar pengalaman sukarnya sebelum ini.

Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) itu menegaskan beliau tidak akan khianat dan fitnah mana-mana pihak kerana beliau pernah melalui pengalaman sedemikian.

"Saya mahu pada umur ini (75 tahun), dengan kepayahan yang berlaku, se-

bagai peringatan dan pengajaran untuk pastikan tiada kezaliman kepada sesiapa termasuk pembangkang," katanya pada 18 Mac.

Terdahulu, beliau menyampaikan ucapan penggalungan dan penangguhan pada Kongres Nasional Khas KEADILAN di Stadium Malawati di sini.

Namun, Anwar juga tidak mahu perkara itu menjadi alasan pembangkang tidak boleh didakwa, sekali gus menyebabkan fitnah dan salah laku berleluasa.

"Tetapi cara mereka menyerang luar daripada batasan, etika dan akhlak. Apabila kita jawab, kita dikatakan menentang Islam dan ulama.

"Sedangkan kita menentang kesilapan dia. Tetapi itulah naratifnya sehingga orang takut mahu buat teguran," katanya.

Beliau dipercayai merujuk tindakan undang-undang yang dibuat terhadap beberapa pimpinan PAS termasuk Presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang atas beberapa dakwaan fitnah.

## Bayar tol guna kad kredit, debit

**SHAH ALAM** - Beberapa lebuhraya akan melaksanakan sistem pembayaran terbuka selewat-lewatnya September ini bagi memudahkan pengguna membayar tol menggunakan kad debit dan kredit.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata lebuhraya itu ialah Lebuhraya Sungai Besi, Lebuhraya Baru Pantai, Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur, Lebuhraya Koridor Guthrie serta Jambatan Pulau Pinang, lapor Bernama.

"Pelaksanaan sistem pembayaran terbuka ini ialah antara inisiatif awal sebagai peralihan ke arah sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF) yang sedang giat diusahakan," katanya pada 21 Mac.

Nanta berkata pembuktian konsep (POC) MLFF akan dijalankan sebelum akhir Oktober ini dan lokasi terlibat sedang dalam rundingan, sebelum dimuktamad dalam masa terdekat bagi menilai sistem berkenaan.

Beliau berkata pelaksanaan sepenuhnya MLFF secara berfasa selewat-lewatnya pada suku ketiga 2024.

## Tambah projek guna dana sama

**SHAH ALAM** - Kejayaan menguruskan semula projek tebakan banjir bernilai RM15 bilion membolehkan beberapa lagi projek sama dibuat menggunakan dana itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata projek terdahulu hanya mampu membina lapan atau sembilan projek tebakan banjir sahaja.

"Bila kita buat semula secara tender terpilih dan buat kerja dengan lebih teratur, boleh tambah dua, tiga projek lagi."

"Daripada satu projek tebakan banjir di Johor, saya tambah jadi dua dari dana sama tetapi diurus dengan cekap dan telus. Tiada rompakan berlaku," katanya pada 18 Mac.

## Yakin HARAPAN pertahan Selangor

**SHAH ALAM** - Dato' Seri Amirudin Shari yakin Pakatan Harapan (HARAPAN) mampu mempertahankan Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang dalam pilihan raya negeri (PRN) akan datang.

Malah, naib presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) itu tidak menolak kemungkinan kemenangan berkenaan dicapai dengan majoriti lebih besar.

"HARAPAN juga tidak mustahil tawan Kedah, Kelantan dan Terengganu (ditadbir Perikatan Nasional) jika semua pihak membantu memberi penerangan lengkap ke peringkat akar umbi," katanya pada 18 Mac.

Beliau yang juga Dato' Menteri Besar mengingatkan HARAPAN perlu memberi penjelasan supaya rakyat tidak terkeliru dengan pendekatan pembangkang yang memperalat Islam dan membawa politik kebencian.

## Kerajaan Perpaduan kukuh

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menzahir keyakinan Kerajaan Perpaduan yang diterajunya kukuh sekali gus kekal untuk lima tahun lagi.

Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) itu berkata keyakinan tersebut bersandarkan sokongan kukuh parti-parti yang membentuk kerajaan sejak empat bulan lepas.

"Untuk kita mantap sebagai satu kerajaan lima tahun ini, kita perlu kerjasama padu supaya kita tumpu membetulkan kerosakan yang berlaku dan membangunkan negara dan rakyat."

"Usaha untuk menggugat sedikit sebanyak itu ada tetapi saya yakin Kerajaan Perpaduan akan terus kukuh dan kekal untuk lima tahun," katanya pada 18 Mac.

## Bekalan telur beransur stabil

**SHAH ALAM** - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menjangka pengeluaran bekalan telur ayam kembali pulih menjelang hujung tahun.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata ia didorong usaha memudahkan kemasukan pekerja di sektor pertanian dan lain-lain sejak Januari, lapor Bernama.

"Pada tahun ini, pengeluaran telur ayam cukup dan mampu sampai ke tahap ekspor pada hujung tahun," katanya pada 18 Mac.

Beliau mengingatkan risiko perubahan iklim dan penyakit boleh memberi kesan kepada pengeluaran.

## Tanah lapang tanaman fertigasi

**PETALING JAYA** - Dato' Menteri Besar mengarah pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenal pasti tanah lapang di kawasan masing-masing untuk dijadikan tapak projek tanaman fertigasi.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata langkah itu bagi menyokong Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), komponen Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang diperkenal kerajaan persekutuan.

"Kita mahu pastikan ia (INTAN) berjaya dan paling penting sampai kepada sasaran, jadi saya arah PBT kenal pasti antara 20 hingga 50 ekar tanah (untuk dijadikan tapak projek).

"(Tanah itu) tidak semestinya bawah rintis TNB (Tenaga Nasional Berhad) dan kerajaan. Saya harap ia dapat di-

jalankan dan menjadi model terbaik untuk tingkatkan pendapatan rakyat," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri pelancaran IPR INTAN @ PJ City Food Valley di pangaspuri Pelangi Damansara yang disempurnakan Menteri Ekonomi Rafizi Ramli di sini pada 21 Mac.

Dalam pada itu, Amirudin berkata PJ City Food Valley yang menumpukan tanaman cili atas tanah seluas 80 ekar mempunyai skala ekonomi besar, tidak seperti kebun komuniti.

"Kebun komuniti lebih kepada sosial, hobi dan kitaran ekonomi tidak besar. Bagaimanapun, PJ City Food Valley ada skala ekonomi tersendiri.

"Saya percaya ia boleh segera dilak-

sana dengan kerjasama PKPS dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya," katanya lagi.

Selain INTAN, Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) turut menjadi komponen IPR yang menyasarkan 100,000 golongan miskin tegar dan B40 mencipta pendapatan.

Sementara itu, Perbadanan Kemanjuran Pertanian Selangor (PKPS) bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melaksanakan projek PJ City Food Valley bagi menyokong IPR.

Projek tanaman cili fertigasi bawah komponen INTAN atas tanah seluas 80 ekar di kawasan perumahan kos rendah Pelangi Damansara, Sri Damansara, Sri Manja dan Desa Peransang.

## Tindakan tegas jika gugat keharmonian

# Usah main sentimen kaum, agama

Oleh NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan pihak tertentu supaya tidak mengadu domba dengan memainkan sentimen kaum dan agama.

Mengingat Malaysia harus kekal harmoni, beliau berkata perbuatan tersebut ti-

dak diizinkan dan pihaknya tidak bertolak ansur terhadap usaha mengganggu gugat keselamatan negara.

"Sebarang usaha oleh sesiapa pun yang cuba mengadu domba, menghangatkan suhu kaum dan agama di negara ini tidak akan diizinkan.

"Saya telah arah pasukan keselamatan untuk waspada kerana orang terdesak atau rasa tercabar akan guna sentimen ini dan rakyat miskin akan diupah untuk timbulkan apa jua kekacauan," katanya pada 17 Mac.

Anwar menjelaskan ada usaha pihak tertentu yang kehilangan kuasa cuba menukar sentimen kaum dan agama.

"Sekiranya tindakan itu melampau, mengganggu gugat (keselamatan negara), pihak keselamatan akan keras dan tegas bertindak," katanya.

Beliau menjelaskan sebarang isu melibatkan sensitiviti kaum dan agama harus diatasi menerusi proses rundingan, bukannya menimbulkan perseteruan atau prasangka.

## JMB pantas atasi masalah

**SHAH ALAM** - Kejayaan mengurus dan menyenggara kediaman melayakkan beberapa pangaspuri dalam kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menerima Anugerah Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Anugerah Perbadanan Pengurusan (MC) terbaik.

Anugerah JMB pangaspuri kos tinggi diberi kepada Pangaspuri One Soho, Pangaspuri Putra Permai 1A (kos sederhana) manakala Pangaspuri Sri Kesidang (MC terbaik kos sederhana).

Ketiga-tiga kediaman tersebut turut menerima Anugerah Pengurusan Lima Bintang sempena Majlis Anugerah Komuniti Strata (Aksara) 2022 MBSJ di Hotel Mardhiyyah di sini pada 20 Mac.

Bendahari JMB One Soho Chan Nam Kiong berkata pihaknya berbelanja besar memasang lebih 160 kamera litar tertutup (CCTV) untuk keselamatan penduduk selain bekerjasama dalam pelbagai hal.

"Pangaspuri yang dihuni sejak 10 tahun lalu

mempunyai 400 unit dengan jumlah penduduk lebih 1,000 orang. Kami sentiasa cuba menyelesaikan pelbagai masalah penduduk termasuk berkaitan peraturan.

"Jika ada yang membuang sampah merata-rata, kami pastikan mereka didenda dengan rakaman CCTV sebagai bukti dan lapor kepada polis jika ada kes jenayah," katanya.

Pengerusi JMB Pangaspuri Putra Permai 1A pula berkata kemenangan itu menyentik semangat jawatankuasa untuk terus memberi khidmat terbaik buat 1,800 penduduk di situ.

"Kami sentiasa cuba menyelesaikan masalah penduduk dengan pantas contohnya bumbung bocor dan mengadakan mesyuarat dan aktiviti kemasyarakatan setiap bulan," kata Nor Mohamad Zin Mohamad Naim.

Sementara itu, wakil MC Pangaspuri Sri Kesidang Elizabeth Standley berbangga kerana memenangi anugerah tersebut sekali gus bersemangat untuk menaik taraf pangaspuri berkenaan.



### PERNYATAAN MINAT (EOI)

Bil.	KETERANGAN	
1.	PEMBELIAN DAN PELUPUSAN METER AIR PLASTIK ROSAK DAN USANG DI STOR INVENTORI AIR SELANGOR	

### KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000014032	INSTALLATION OF AERATOR SYSTEM AT BATU DAM AND REFURBISHMENT WORKS INCLUDING REPLACEMENT OF RAW WATER PUMPS, VALVES, ACTUATORS, ELECTRICAL PANEL, OVERHEAD CRANE, AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT RAW WATER PUMP HOUSE AT SG. BATU WTP.

### KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Bil.	KETERANGAN
1.	PRE-QUALIFICATION FOR PANEL WORKSHOP FOR LIGHT, HEAVY, AND INDUSTRIAL VEHICLES REPAIR AND MAINTENANCE SERVICES FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN. BHD.

Untuk butiran lanjut dan penyertaan EOI/tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists>. Sertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender/prakelayakan di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan AirSelangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan dalam tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.



**DIGITAL...** EXCO Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail (dua, kanan) menyampaikan peranti bayaran tanpa tunai kepada peniaga Bazar Ramadan Hijrah Selangor di bangunan pentadbiran negeri di Shah Alam pada 17 Mac. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Lima lokasi Jelajah Bazar Ramadan Tanpa Tunai

# Sasar 500 peniaga guna e-dompet

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Seramai 1,000 pengguna dan 500 peniaga baharu disar beralih kepada urus niaga e-dompet dalam program Jelajah Bazar Ramadan Tanpa Tunai membabitkan lima lokasi tahun ini.

EXCO industri kecil dan sederhana berkata lokasi sasaran ialah Bazar Ramadan USJ 4 (Subang Jaya), Sungai Udang (Klang), Selayang Utama (Gombak) dan Stadium Shah Alam serta Seksyen 18 (Shah Alam).

"Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec)

serta Wavpay akan berkunjung ke lokasi itu secara serentak bagi menggalakkan penggunaan e-dompet dalam kalangan peniaga dan pengunjung.

"Kita percaya pendigitalan membawa perubahan positif dan signifikan dalam meningkatkan kualiti hidup serta kemakmuran rakyat Selangor," kata Dato'Teng Chang Khim.

Terdahulu, beliau mengumumkan inisiatif Smart Raya Selangor 2023 pada 16 Mac. Hadir sama, Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Ahmad Azri Zainal Nor.

Chang Khim menambah pengunjung bazar yang berbelanja meng-

gunakan e-dompet Wavpay berpeluang menyertai kempen Belanja dan Menang yang menyediakan hadiah keseluruhan RM50,000 termasuk motosikal, komputer riba, telefon pintar, ipad dan televisyen.

"Tempoh kempen sepanjang Ramadan dengan satu cabutan bagi setiap RM10 yang dibelanjakan. Cabutan dibuat setiap hujung minggu manakala hadiah utama pada minggu terakhir," katanya.

Beliau menambah peniaga yang mencatat transaksi tertinggi melalui Wavpay daripada setiap bazar pula berpeluang memperoleh ganjaran wang tunai RM2,000.

## Tawar geran hingga RM50,000

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menawarkan Geran Komuniti Petaling Jaya Mampan (PJ SEED) 5.0 dengan pembiayaan sehingga RM50,000.

Datuk Bandar Petaling Jaya Muhammad Azhan Md Amir berkata inisiatif berkenaan bertujuan menjayakan projek meningkatkan prestasi dalam 10 bidang utama.

"Geran yang julung kali diadakan pada 2019 itu sehingga kini meluluskan

113 projek dengan peruntukan RM1.9 juta diberi kepada organisasi terpilih.

"Tahun kelima ini kitakekalkan pelaksanaan projek mengikut 10 bidang ditetapkan dan hanya yang layak akan mendapat bantuan geran," katanya ketika melancarkan geran itu pada 17 Mac.

Permohonan terbuka kepada persatuan penduduk, rukun tetangga, majlis pengurusan komuniti kampung, badan pengurusan bersama, perbadanan ber-

sama, persatuan ibu bapa dan guru, institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Muat turun borang permohonan di laman sesawang [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) atau di kaunter Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ. Tarikh tutup permohonan pada 30 Jun.

Pertanyaan lanjut boleh hubungi urusetia PJ SEED di talian 03-7954 1440, emel [gerankomuniti@mbpj.gov.my](mailto:gerankomuniti@mbpj.gov.my) atau layari laman sosial MBPJ.

## Promosi 150 produk pelancongan

**SHAH ALAM** - Direktori pelancongan industri disediakan Tourism Selangor bagi mempromosi 150 produk melibatkan 10 kategori utama.

EXCO Pelancongan Hee Loy Sian berkata kemudahan itu memudahkan pelancong memperoleh maklumat tepat untuk mengunjungi lokasi menarik serata Selangor.

Katanya, kategori itu meliputi perniagaan kecil dan sederhana, industri agrikultur, pembuatan, kreatif, pendidikan, galeri dan muzium, seni jalanan, spa dan makanan serta minuman.

Direktori yang meliputi sembilan daerah di negeri ini boleh dimuat turun menerusi laman sesawang [www.selangor.travel](http://www.selangor.travel)

Tourism Selangor juga bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk membangunkan produk pelancongan dan membuat promosi berterusan bagi pasaran domestik serta antarabangsa.

## PKNS atur CSR sempena Ramadan

**GOMBAK** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mengatur beberapa siri kegiatan tanggungjawab sosial korporat (CSR) sempena Ramadan.

Pengurus Komunikasi Korporatnya berkata pihaknya menganjurkan gotong-ropong bersih dan mengecat selain menyumbang RM5,000 kepada Pertubuhan Kebajikan Ehsan Ash-Shakur (PEKEAS).

Muhammad Sobree Zainal Abidin berkata acara menerusi program Ramadan Kasih PKNS bertujuan menceriakan 40 penghuni rumah berkenaan sepanjang ibadah puasa pada tahun ini.

"Pada 2 April ini, penghuni PEKEAS akan dibawa membeli baju raya di Kompleks PKNS di Shah Alam diikuti majlis berbuka puasa pada 7 April," katanya pada 18 Mac.

## Selenggara, baiki cerun kondominium

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) selesai menyelenggara dan membaiki cerun di Kondominium Mutiara, Jalan Bukit Indah 3/3, Ampang baru-baru ini.

Menurut MPAJ, kerja baik pulih melibatkan pembinaan tembok gabion dan membaik longkang yang rosak sebagai langkah pencegahan awal.

"Sebahagian pokok berisiko dan condong di belakang kondominium yang berkemungkinan tumbang dan menimpa kenderaan sudah ditebang."

"MPAJ memberi perhatian kepada infrastruktur di kawasan Ampang Jaya melalui penyelenggaraan berkala untuk keselamatan serta memenuhi keperluan penduduk," kata kenyataan pada 17 Mac.

Pihak berkuasa tempatan itu turut melebarkan jalan susur baru sepanjang 50 meter di Jalan Air Bukit, Taman Ampang Utama.

## Kadar zakat fitrah bermula dari RM7

**SHAH ALAM** - Kadar zakat fitrah di Selangor pada tahun ini ditetapkan RM7, RM14 dan RM21 seorang mengikut harga beras yang dimakan, maklum Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Menurut agensi tersebut, kadar itu bersamaan harga timbangan satu gantang baghdad atau 2.6 kilogram beras yang dimakan kebanyakan umat Islam.

LZS menjelaskan kadar zakat fitrah RM7 seorang untuk individu yang menjadikan 'super special' sebagai beras harian dengan kadar minimum diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

"Kadar RM14 seorang daripada beras jenis super import, beras perang, beras pulut, herba ponni dan beras wangi. Bagi kadar RM21 pula jenis basmati, beras Jepun, beras merah dan setaraf dengannya," maklum agensi itu.

Zakat fitrah boleh dibayar melalui 2,642 penolong amil fitrah yang dilantik di seluruh negeri atau secara dalam talian.

## 64,819 asnaf dapat bantuan

**SHAH ALAM** - Seramai 64,819 asnaf fakir, miskin dan mualaf menerima bantuan lebih RM30 juta yang diagih Lembaga Zakat Selangor (LZS) sempena Ramadan dan Syawal tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Mohd Sabirin Sarbini menjelaskan sejumlah RM19.39 juta diagih kepada 41,770 asnaf miskin, RM9.051 juta untuk fakir dan selebihnya buat mualaf.

Beliau memaklumkan setiap penerima mendapat bantuan zakat antara RM300 hingga RM1,000 bergantung jumlah tanggungan sesebuah keluarga, yang disalurkan secara berperingkat.

"Bantuan tersebut mula disalurkan mulai 21 Mac sama ada melalui pembayaran yang dikreditkan ke akaun bank penerima atau menggunakan kaedah baucar tunai mahupun serahan tunai," katanya.

## Geran naik taraf rumah perlindungan

**SHAH ALAM** - Sembilan rumah perlindungan di Selangor menerima geran RM180,000 bagi menaik taraf kemudahan di premis masing-masing.

EXCO pembangunan wanita dan keluarga berkata geran itu juga untuk membina kemahiran kaktangan dan memberdaya pemandiri dalam kalangan wanita setelah keluar rumah perlindungan.

"Kita juga serahkan Geran Kursus Intensif Perkembangan Kanak-kanak kepada 10 pengasuh berjumlah RM2,000 seorang bagi menambah baik perkhidmatan," kata Dr Siti Mariah Mahmud baru-baru ini.

Beliau berkata sebanyak 12 inisiatif yang sedang dan bakal dilaksana Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita pada tahun ini menerusi peruntukan lebih RM4 juta.

## Utamakan agamawan tempatan

**SHAH ALAM** - Larangan kepada imam luar negara untuk mengimami solat tarawih di masjid dan surau di Selangor sepanjang Ramadan bertujuan membuka laluan kepada agamawan tempatan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Dato' Mohd Shahizan Ahmad berkata imam, asatizah, graduan dan pelajar tafhib tempatan menguasai aspek al-Quran dan ilmu Fiqh dengan baik.

Menjelaskan larangan itu seja-jar keputusan Majlis Agama Islam

Selangor (Mais) sejak 2015, beliau berkata penglibatan anak tempatan menjadi sebahagian latihan, pengukuhan dan keyakinan para huffaz dengan ma-syarakat.

"Ketetapan juga dibuat sebagai antara usaha menyediakan imam-imam pelapis untuk mengisi keperluan imam di masjid dan surau di negeri ini pada masa hadapan," katanya pada 20 Mac.

Mohd Shahizan berkata keputusan selaras titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor itu juga mengatasi peranan pertama yang menawarkan imam dari luar

negara pada kadar tertentu hingga meninggirkir imam dan huffaz sedia ada.

"Terdapat juga keadaan apabila kehadiran imam luar negara menimbulkan beberapa isu melibatkan perbezaan mazhab dalam pelaksanaan solat selain mengambil kesempatan mengutip derma yang tidak mendapat kebenaran."

Selain itu, Selangor juga menetapkan solat tarawih dilaksanakan sebanyak 20 rakaat dengan bacaan ayat atau surah pendek selain semua jemaah diwajibkan memakai pelitup muka.

## 48 pelajar Yayasan Selangor terima manfaat

# RM885,520 tajaan lanjut pelajaran

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

**SHAH ALAM** - Seramai 48 pelajar cemerlang Yayasan Selangor menerima tajaan RM885,520 bagi mengikuti sesi persekolahan 2023/2024.

Tajaan itu meliputi 41 pelajar yang ditempatkan ke lima Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) menerusi program Budi Yayasan Selangor manakala tujuh lagi di Kolej Yayasan Saad Melaka (KYSM) dalam program Bitara Yayasan

Selangor (BITARA).

"Pelajar terpilih berpeluang meneruskan persekolahan di sekolah elit dengan iklim pembelajaran kondusif dan prasarana lebih efektif," menurut kenyataan pada 17 Mac.

Yayasan Selangor berharap program berkenaan bakal melahirkan pelajar cemerlang, kompetitif seterusnya memenuhi keperluan pasaran pekerjaan bertaraf dunia.

"Penajaan program meliputi yuran persekolahan, pengajian, penginapan

dan makanan selain wang saku serta peranti," katanya.

BITARA adalah program sejak 2021 yang dijalankan dengan kerjasama Yayasan Selangor dan KYSM bagi melahirkan pelajar cemerlang dan kompetitif memenuhi pasaran pekerjaan.

Program Budi Yayasan Selangor pula menaja murid kelahiran Selangor di 12 MRSM terpilih dan tajaan disalur sepanjang tempoh pengajian lima tahun bermula tingkatan satu.

## Larang acara pengaruhi umat Islam

**SHAH ALAM** - Sebarang penganjuran program bertujuan memujuk atau mempengaruhi umat Islam untuk cenderung atau minat kepada agama bukan Islam dilarang di Selangor.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menjelaskan perkara itu adalah kesalahan bawah Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang

Islam) 1988.

Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata Mais mengambil pendekatan berhati-hati demi memelihara akidah umat Islam meski tidak melarang persahabatan dan toleransi dengan orang bukan Islam.

"Dalam menyantuni perbezaan bangsa, budaya dan agama dalam masyarakat majmuk di Malaysia, Mais

berpendirian bahawa kesefahaman, toleransi dan perpaduan masyarakat sangat penting untuk memastikan keharmonian dan keamanan Malaysia," katanya pada 17 Mac.

Beliau juga menyeru semua masyarakat agar menghormati kedudukan Islam sebagai agama persekutuan yang termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

## RM1 juta untuk kos pusat dialisis

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyalur dana RM1.02 juta kepada Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) yang menyediakan pusat rawatan dialisis.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Mohd Sabirin Mohd Sarbini berkata peruntukan dalam bentuk geran tahunan itu bertujuan menampung kos operasi, pengurusan dan pentadbiran pusat dialisis sejak 2016.

"LZS memperuntuk RM100 juta bagi bantuan perubatan dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM60 juta disalur

untuk bantuan rawatan dialisis secara keseluruhan.

"Kita sedia maklum kos bagi rawatan dialisis bukan sedikit. Kos rawatan menerusi kaedah cucian darah berjumlah RM2,940 seorang, cucian air (CAPD) RM2,600 dan cucian air (APD) RM3,900," katanya.

Pengerusi Yide Tan Sri Mazlan Mansor pula berkata pihaknya menyaras pembukaan empat lagi cawa-

ngan pusat dialisis dalam masa terdekat.

"Segala perincian masih dalam perbincangan memandangkan banyak perkara perlu diteliti termasuk dari sudut operasi dan logistik," katanya pada 16 Mac.

Beliau berkata Yide juga mendapat kebenaran Kementerian Kesihatan untuk membuka cawangan pusat dialisis di Masjid Ar Raudah U10, di sini dalam masa terdekat.





Tengku Amir Shah bersama peserta memulakan Kayuhan Menjunjung Kasih di Galeri Jualan Sime Darby Bandar Bukit Raja, Klang pada 19 Mac. Majlis pelepasan disempurnakan Ahli Parlimen Klang V Ganabatirau. Foto REMY ARIFIN

938 peserta ambil bahagian

# Raja Muda sertai kayuhan 50km

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

**KLANG** - Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli menyertai Kayuhan Menjunjung Kasih 2022 sejauh 50 km pada 19 Mac.

Baginda memulakan kayuhan bersama 938 peserta di Galeri Jualan Sime Darby, Bandar Bukit Raja di sini sekitar jam 8.20 pagi.

Acara kayuhan edisi ketiga yang merentasi kawasan bersejarah sekitar

bandar diraja itu disempurnakan Ahli Parlimen Klang V Ganabatirau.

Penyelaras Teknikal Firdaus Arshad berkata program dwitahunan anjuran Majlis Perbandaran Klang (MPK) bersama Sime Darby Property memupuk gaya hidup sihat selain mempromosi lokasi menarik di Klang.

"Jarak kayuhan sejauh 50 km simbolik sambutan 50 tahun Sime Darby Property. Kayuhan edisi kali ini lebih jauh berbanding 38 km dalam edisi kedua pada 2019.

"Sepanjang kayuhan, ada beberapa

hentian termasuk ikon Bandar Klang iaitu Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, pusat sukan di Pandamaran dan persimpangan Bandar Bukit Raja," katanya.

Sebelum ini, Yang Dipertua MPK Noraini Roslan berkata Kayuhan Menjunjung Kasih edisi ketiga melalui lebih banyak lokasi berbanding edisi sebelumnya.

Kawasan itu antaranya Jambatan Raja Muda Nala dan Jambatan Kota selain melihat keunikan bangunan warisan sekitar Klang.

## Sembilan gelanggang papan selaju

**SHAH ALAM** - Sembilan kemudahan gelanggang papan selaju akan dibina di beberapa lokasi bagi memenuhi permintaan penggiat sukan berkenaan.

EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman berkata kemudahan yang dibangun dan dinaik taraf pihak berkuasa tempatan (PBT) itu bertujuan menyokong perkembangan sukan tersebut.

"Kerajaan Negeri sentiasa menyokong perkembangan dan penggiat sukan itu dengan menyediakan dan menaik taraf kemudahan sukan ini.

"Pembinaan gelanggang papan selaju ini meliputi beberapa lokasi yang mempunyai permintaan tinggi," katanya pada 17



Mac.

Lokasi itu meliputi Taman Sukan Laksamana Seksyen 13, Shah Alam; Arena MBPJ Skatepark, USJ 11 Subang Jaya; Taman Serdang Jaya Seri Kembangan dan Taman Belia @ Youth Park, BBST Skate Park.

Selain itu, di Pejabat Belia dan Sukan Daerah Klang, Skate Park Andalus, Klang; AU5, Taman Lembah Keramat; Padang Taman Awam Kencana Indah, Taman Pandan Indah; Taman Sri Gombak dan Skate Park Dataran Banting.

## Pasang VAR di Stadium Nasional

**SHAH ALAM** - Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) merancang melengkapkan Stadium Nasional Bukit Jalil (SNBJ) dengan teknologi video bantuan pengadil (VAR) berspesifikasi penuh.

Ketua Pegawai Eksekutif PSM Mohd Faidz Sanusi berkata penggunaan VAR dilengkapi minimum lapan kamera, disifatkan sesuai dengan taraf SNBJ selaku stadium utama di Malaysia, lapor Berita Harian.

"Kita akan gunakan spesifikasi tinggi dan bertaraf dunia. Sebab itu kalau kita nak buat sesuatu itu biar kita ikut taraf antarabangsa terutama asset di bawah PSM," katanya.

Mohd Faidz berkata pihaknya juga sedia berbincang dengan ahli lembaga pengarah PSM serta Kementerian Belia dan Sukan (KBS), berhubung kos penggunaan VAR yang dikatakan menelan harga lebih setengah juta ringgit.

## Intai peluang akhiri kemarau emas

**SHAH ALAM** - Atlet pecut negara memohon doa seluruh rakyat Malaysia untuk mengakhiri kemarau emas acara 100 meter (m) wanita di Sukan SEA Kemboja dari 5 hingga 17 Mei depan.

Zaidatul Husniah Zulkifli berkata beliau giat melakukan persiapan rapi bawah bimbingan jurulatih, Poad Md Kassim, lapor Berita Harian.

"Macam mana persaingan nanti belum nampak lagi sekarang kerana ada pencabar yang berlatih di luar negara. Apa yang boleh saya buat ialah berlatih dengan lebih keras dalam baki dua bulan ini," katanya pada 20 Mac.

Kali terakhir Malaysia meraih emas dalam acara 100m wanita ialah melalui legenda pecut, G Shanti yang dilakukan di Indonesia pada 1997.

## Sasaran pingat perlu realistik

**SHAH ALAM** - Ketua kontinen negara mengingatkan semua persatuan sukan supaya menetapkan sasaran pingat yang wajar dicapai di Sukan SEA Kemboja.

Datuk Mohd Nasir Ali berkata beliau akan bermesyuarat bersama beberapa agensi terlibat bagi menetapkan sasaran keseluruhan kontinen negara, lapor Harian Metro.

"Pada mesyuarat itu nanti kita akan pastikan sasaran mereka berikan adalah sasaran realistik, bukan untuk 'syok sendiri' atau memuaskan hati kita."

"Sebab itu, kita juga akan bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara kerana dari segi tahap kemampuan atlet, mereka lebih tahu," katanya pada 20 Mac.

Ujarnya, tekanan juga harus diberikan kepada atlet kerana tidak mahu berada di zon selesa.



### HASNUL BAHARUDDIN

**Morib**

menyampaikan hadiah pertandingan memancing di Pantai Kelanang, Kuala Langat



### RODZIAH ISMAIL

**Batu Tiga**

meninjau program Penggerak Belia Selangor di Seksyen 24, Shah Alam



### NG SZE HAN

**Kinrara**

menyertai gotong-royong bersama penduduk di Pangaspuri Melur, Subang Jaya



### ZAWAWI AHMAD MUGHNI

**Sungai Kandis**

memberi sumbangan dalam Karnival Pengguna Arif di Jalan Kebun, Shah Alam



### SAARI SUNGIB

**Hulu Kelang**

menghulur sumbangan kepada anak Orang Asli di Kampung Kemensah, Gombak



### ROZANA ZAINAL ABIDIN

**Permatang**

mengagih baucar Skim Mesra Usia Emas (SMUE) di pejabat DUN beliau



### EAN YONG HIAN WAH

**Seri Kembangan**

memantau tapak pembuangan sampah haram di Bukit Serdang, Subang Jaya



### LIM YI WEI

**Kampung Tunku**

melawat taman permainan yang baru dinaik taraf di Petaling Jaya

# Seru GLC bersama taja baucar buku

**SHAH ALAM** - Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Selangor diseru menyokong Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dalam penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Selangor (SIBF) akan datang.

Ahli Dewan Negeri Kota Anggerik Najwan Halimi berkata usaha tersebut boleh dibuat menerusi tajaan sama ada dalam bentuk sumbangan



kewangan atau pemberian baucar buku.

"Baucar buku untuk disumbangkan kepada pegawai dan kakitangan yang membolehkan mereka menggunakan bagi membeli buku buat anggota keluarga mereka," katanya pada 16 Mac.

Beliau menambah penganjuran SIBF pada tahun lalu dianggap paling berjaya berdasarkan anggaran pulangan

keuntungan RM4.5 juta selain kehadiran pengunjung seramai 229,832 orang.

"Anggaran keuntungan yang dinikmati pengusaha dan pemain industri buku memberangsangkan. Ia secara tidak langsung membantu merancakkan kembali industri berkenaan," katanya.

Pada 8 Disember, Najwan menawarkan baucar buku bernilai RM100 kepada 10 individu terpilih yang berjaya menjawab soalan mudah menerusi Twitter sempena penganjuran SIBF 2022.

## Elak nahas sekitar USJ 3A

# RM140,000 bina lampu isyarat

Oleh SHEEDA FATHIL

**SUBANG JAYA** - Sebanyak RM141,215 dibelanjakan untuk memasang lampu isyarat di persimpangan USJ 3A, Persiaran Setia, Subang Jaya di sini.

Wakil rakyat Michelle Ng Mei Sze berkata kemudahan itu disediakan menggunakan dana Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) sepenuhnya.

"Lampu isyarat mula dibina Disember tahun lalu dan siap Februari. Saya berharap

kemalangan dapat dikurangkan dan penduduk berasa lebih selamat," katanya pada 18 Mac.

Beliau menjelaskan pihaknya memohon pembinaan kemudahan tersebut sejak 2019 tetapi tertangguh berikutan beberapa kekangan termasuk pandemik Covid-19.

"Ia memanfaat 335 keluarga di perumahan USJ 3A. Disebabkan lampu isyarat masih baharu, kita harap orang awam yang lalu lalang dapat membibi-



asakan diri ketika memandu," katanya.

Pengerusi Persatuan Penduduk USJ 3A Anwar Zaihan pula lega berikutan MBSJ membina kemudian tersebut dan berharap nahas di situ dapat dielak.

"Dalam tempoh dua tahun, lebih 10 kemalangan berlaku dan satu insiden meragut nyawa pada tahun lalu. Terima kasih kepada wakil rakyat yang mendengar suara kami," katanya.

## Kaunter bergerak ambil bantuan RM150

**SHAH ALAM** - Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Bukit Gasing menyediakan kaunter bergerak bagi memudahkan warga emas mengambil baucar Jom Shopping pada 25 Mac.

Wakil rakyatnya R Rajiv berkata peserta Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang belum mengambil bau-



car RM150 boleh mengunjungi kemudahan berkenaan di Cabin Resident Association.

Sebelum ini, program sama dianjurkan di Surau Flat Gasing Indah pada 18 Mac.

"Sejak Februari lalu, seramai 1,658 daripada 3,757 warga emas yang berdaftar dengan SMUE

telah mengambil baucar RM150," katanya.

Rajiv memaklumkan pihaknya menerima 1,200 permohonan baharu SMUE tahun ini, semuanya sedang menunggu kelulusan Kerajaan Negeri.

SMUE diperkenal lebih sedekad lalu bagi menghargai warga emas negeri ini dengan setiap ahli mendapat manfaat baucar hadiah hari jadi serta khairat kematian.

## Mohon Jom Shopping Aidilfitri

**SHAH ALAM** - Warga Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Utama berpendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah dipelawa memohon baucar beli-belah Aidilfitri sehingga 30 Mac.

Wakil rakyatnya Jamaliah Jamaluddin memaklumkan permohonan Jom Shopping itu dibuka kepada pengundi DUN berkenaan yang menyambut perayaan tersebut.

Beliau menambah keutamaan diberi kepada pemohon bukan penerima Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Skim Mesra Insan Istimewa (SMIS).

Mereka yang berminat perlu memuat turun borang menerusi [tiny.cc/JSPRayBU2023](http://tiny.cc/JSPRayBU2023) atau dapatkan di pejabat DUN Bandar Utama dan kuota penerima terhad.

Untuk maklumat lanjut, hubungi talian 03-7726 0441.

## 357 keluarga dapat RM300 sebulan

**GOMBAK** - Sebanyak 357 keluarga di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua menerima RM300 sebulan menerusi Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) pada tahun ini.

Pegawai Pusat Khidmat Masyarakatnya Maimon Misman menjelaskan jumlah diberi kepada keluarga berpendapatan rendah dan miskin bandar.

"Masih ramai yang memohon tetapi kita utamakan keluarga pendapatan bawah RM3,000 dan ada anak bersekolah serta tidak terima bantuan bulanan daripada agensi lain," katanya pada 15 Mac.

Beliau menambah pihaknya juga bekerjasama dengan jawatankuasa penduduk bagi mengenal pasti keluarga yang memerlukan bantuan lain.

## Agih sumbangan sebelum raya

**KLANG** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Meru mengagih 750 baucar Jom Shopping bernilai RM200 kepada penerima yang layak dua minggu sebelum sambutan Aidilfitri.

Pegawai Khas kepada Ahli Dewan Negeri (ADN) Meru Norlena Nayan berkata agihan dibuat berperingkat melalui dua program diatur pihaknya.

"Pengundi Islam yang berpendapatan isi rumah bawah RM3,000, ada anak dua orang atau lebih serta bersekolah boleh memohon."

"Pemohon perlu ke pusat khidmat masyarakat untuk isi borang," katanya pada 14 Mac.

Beliau juga bersyukur berikutnya pertambahan jumlah agihan baucar bagi tahun ini berbanding hanya 600 pada tahun lalu.

### AHLI DEWAN NEGERI TANJUNG SEPAT BORHAN AMAN SHAH

- **Umur:** 61 tahun
- **Falsafah hidup:** Hidup hanya sekali buat yang terbaik dalam kehidupan
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Ahli perniagaan dan Penyelaras Pusat Khidmat DUN Dengkil

- **Alamat pejabat ADN:** Kompleks Pejabat Penghulu Mukim Batu, Kampung Batu Laut, 42800, Tanjung Sepat
- **Nombor telefon ADN:** 03-3148 1029
- **Facebook:** [facebook.com/PKMTanjongSepat](https://facebook.com/PKMTanjongSepat)
- **E-mel:** pkmtg.sepat54@gmail.com



# selangorkini

## Dewan negeri terbubar 25 Jun

**SHAH ALAM** - Pilihan raya negeri dijangka berlangsung pada hujung Julai, beberapa minggu selepas Dewan Negeri Selangor (DNS) terbubar secara automatik.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam sesi penggulungan DNS pada 17 Mac menjelaskan mandat sedia ada berakhir pada 25 Jun jika tiada pembubaran awal.

"Marilah kita rakam rasa syukur kerana dapat bersama membahas titah diraja (Sultan Selangor) Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sempena pembukaan dewan sebelum penggal ke-14 berakhir secara rasmi pada 25 Jun jika tiada pembubaran awal," katanya.

Selain Selangor, lima negeri iaitu Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kedah, Kelantan dan Terengganu mempertimbang membubar Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam dua minggu terakhir Jun.

## Pekawanis anjur iftar, tadarus

**SHAH ALAM** - Majlis berbuka puasa dan tadarus al-Quran antara pengisian program Ihya Ramadhan 2.0 anjuran Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) tahun ini.

Yang Dipertua Datin Seri Masdiana Muhamad berkata ibadah qiamullail juga akan diadakan bagi menyemarakkan lagi 10 malam terakhir Ramadhan di kediaman rasmi Dato' Menteri Besar.

"Bagi program iftar yang bermula 6.30 petang kita sediakan juadah berbuka untuk 200 orang berbanding 100 pada tahun lalu.

"Majlis berbuka dimulakan dengan alunan zikir, bacaan Surah Al-Waqiah, berbuka puasa, solat tasbih, solat isyak seterusnya solat terawih," katanya pada 21 Mac.

Program tadarus bermula jam 9 hingga 10.30 pagi setiap hari dipimpin oleh Sheikh Abdullah Jahaf.

## Mohon hadiah universiti RM1,000

**SHAH ALAM** - Anak Selangor dari kalangan keluarga berpendapatan RM5,000 ke bawah dipelawa memohon hadiah pengajian institut pengajian tinggi (HPIPT) berjumlah RM1,000 sehingga 31 Mac ini.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengaklumkan pemohon mestilah pelajar tahun pertama yang mengikuti pengajian sepenuh masa peringkat ijazah sarjana muda, diploma dan sijil kemahiran tahap empat di IPT awam serta swasta.

Permohonan bantuan sekali bayar boleh dibuat menerusi pautan [hpipt.selangor.gov.my](http://hpipt.selangor.gov.my) atau hubungi urus setia di talian 03-5544 7385 atau 03-5521 5523



**Pasukan MBSJ FC** meraikan kejayaan pertama kali menjulang piala Liga Super Wanita FAS 2023 di Stadium MBPJ, Petaling Jaya pada 19 Mac. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

## Mahu wakili negeri MBSJ FC julang piala liga wanita

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

**PETALING JAYA** - Selepas menjuarai Liga Super Wanita 2023, skuad bola sepak wanita MBSJ FC menaruh harapan untuk mewakili Selangor dalam kejohanan Piala Tun Sharifah Rodziah musim ini.

Ketua Jurulatih Mohd Fairuz Mohd Noor sudah berbincang dengan pihak pengurusan berhubung perkara itu dan berharap ada berita baik buat pasukannya.

"Saya baru bincang dengan pengurusan untuk dapatkan slot Piala TSR (Tun

Sharifah Rodziah). Saya tidak tahu bila (kejohanan bermula), mungkin Julai.

"Harap pihak pengurusan boleh realisasikan impian untuk (MBSJ FC) wakili Selangor di TSR," katanya.

MBSJ FC muncul juara menerusi penentuan sepakan penalti 3-0 selepas terikat 1-1 dengan UPNM FC di Stadium MBPJ pada 19 Mac.

UPNM FC menyumbat gol seawal minit pertama melalui Nur Arliana diikuti jaringan penyamaan MBSJ FC menerusi Lyana Soberi pada minit ke-17.

Mohd Fairuz berkata kemenangan pasukannya dalam kejohanan anjuran

Persatuan Bolasepak Selangor itu hasil kesungguhan pemain di samping faktor strategi.

"Kami dikejutkan dengan gol awal oleh UPNM FC tetapi kami bangkit pada minit ke-23.

"Saya bersyukur dan bangga dengan semua pemain yang memberi 150 peratus komitmen dan terhasilnya kejayaan ini," katanya.

Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli menyaksikan perlawanan itu dan menyempurnakan majlis penyampaian trofi dan hadiah.

## Teater komedi seram dipentas 26 Mei

**SHAH ALAM** - Pementasan teater 'Dari Cherok Tok Kun ke Putrajaya' dijadual berlangsung di Auditorium Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz di sini pada 26 Mei.

Pengarahnya Hasrol Hisham Mohd Hassan berkata beberapa selebriti terkenal tanah air membuat penampilan istimewa antaranya ratu rock Ella, Jo Branko (bekas gitaris Wings) dan Imuda.

Beliau menambah juara Gegarlawak musim pertama kumpulan Kiut, Abu Mamu, Caca Raja Lawak, Jojie (kakak

Ella) dan Chef Yang Jamil turut berlakon dalam teater bertema komedi seram itu.

"Penampilan mereka bagi menyalahkan sokongan dalam usaha basmi gejala dadah yang semakin menular khususnya dalam generasi muda," katanya pada 14 Mac.

Tiket yang boleh didapati menerusi [www.myticketempire.com](http://www.myticketempire.com) dijual pada harga RM60 bagi kategori 1, kategori 2 (RM80) dan VVIP (RM120).

Acara itu anjuran Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) Sel-

ngor dengan kerjasama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI, Sajian Sejati Sdn Bhd, My Creative Ventures dan Resdongs Entertainment.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat MBI Ahmad Azri Zainal Nor berkata pihaknya membantu teater itu dari segi dana, lebih-lebih lagi ada peruntukan untuk acara seni dan budaya.

"Kita sokong sebarang kempen untuk bawa mesej antidadah baik dari sudut teater, acara seni dan budaya serta program," katanya.